Selasa
8 September 2026
26 Rabiulawal 1448H

Utusan Borneo
PPK 220/12/2012 (031414)
Citra Generasi Prihatin

Gagasan Rakyat Lahad Datu mahu kukuhkan perpaduan 2
SMJ 2.0 cerminan fasa baharu pentadbiran Hajiji: Aksyah 6
Kuasai AI, sedia hadapi perubahan dunia 8
Barca kekal momentum, terus dominasi 5

Email: utusanborneokk@gmail.com

BANTU PELAJAR TERJEJAS KEBAKARAN

• Cadangan penempatan sementara pelajar terjejas akibat kebakaran di Kg Numbak baru-baru ini: Mustapha

KOTA KINABALU: Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sabah dan Sarawak) Datuk Mustapha Sakmud dan Menteri Pendidikan Datuk Seri Fadhlina Sidek akan bersama-sama meneliti cadangan untuk menempatkan sementara pelajar yang terjejas akibat kebakaran di Numbak baru-baru ini di asrama sekolah yang mempunyai kekosongan.

Mustapha berkata cadangan awal itu adalah antara langkah bagi memastikan proses pembelajaran pelajar terlibat tidak terganggu, khususnya bagi mereka yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta pelajar tingkatan enam.

Beliau berkata Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah telah diminta mengenal pasti keperluan pelajar terbabit, termasuk pilihan penempatan di asrama sekolah lain sekiranya terdapat kekosongan.

"Itu antara yang dicadangkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Jadi, itu yang saya kata kena teliti, cari bagaimana untuk mereka diberi keutamaan supaya proses pembelajaran mereka tidak terganggu.

"Kami akan fokus untuk bantu pelajar ini supaya ada suasana yang kondusif untuk mereka meneruskan pembelajaran," katanya selepas Majlis Penyerahan Sumbangan kepada Mangsa Kebakaran di Kolej Tingkatan Enam (Prauniversiti) Kota Kinabalu semalam.

Mustapha berkata perhatian khusus perlu diberikan kepada pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan utama kerana mereka memerlukan persekitaran yang lebih kondusif untuk memberi tumpuan kepada pembelajaran.

Beliau berkata berdasarkan pemerhatian awal, terdapat pelajar terjejas yang masih tinggal di khemah di lokasi kejadian serta di masjid, justeru keadaan itu perlu diberi perhatian bagi memastikan pembelajaran mereka tidak terjejas.

Pada majlis berkenaan, sebanyak sembilan pelajar Kolej Tingkatan Enam dan 129 pelajar Sekolah Kebangsaan Kebagu menerima bantuan kelengkapan sekolah.

Mustapha berkata berdasarkan rekod JPN Sabah, 410 pelajar daripada lapan sekolah terjejas akibat kebakaran berkenaan.

Setiap pelajar terjejas akan menerima bantuan kewangan menerusi Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) Kecemasan bernilai RM300 selain beg dan alat tulis.

Pada 30 Ogos lepas, kebakaran di Kampung Numbak memusnahkan kira-kira 200 rumah atas air, dengan tiga mangsa ditemukan rentung.
— Bernama

PRIHATIN: Mustapha bersama murid SK Tebagu selepas menyampaikan sumbangan kebakaran di sekolah itu semalam. — Gambar Bernama

Manfaatkan AI dan media sosial pelihara bahasa dan identiti orang asal

KOTA MARUDU: Persatuan-persatuan etnik dan kebudayaan di negeri ini diminta memanfaatkan sepenuhnya teknologi kecerdasan buatan (AI) serta media sosial untuk memelihara dan mendokumentasikan identiti orang asal Sabah.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Ewon Benedick berkata, usaha memelihara identiti orang asal termasuk bahasa, adat dan budaya tidak seharusnya hanya bergantung kepada bahan bercetak seperti buku dan kamus, sebaliknya memerlukan pendekatan baharu.

"Kaedah pemeliharaan perlu dipelbagaikan menerusi pendekatan digital yang lebih dekat dengan generasi masa kini.

"Kita boleh menggunakan AI dan media sosial untuk membangunkan kamus digital serta menghasilkan kandungan bersesuaian mengenai bahasa, adat dan budaya masyarakat kita yang lebih mudah diakses, khususnya oleh generasi muda," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Mongompok Batas anjuran United Sabah Tindal Organisation (USTO), di sini kelmarin.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan turut menggalakkan persatuan etnik menjalin kerjasama dengan persatuan lain bagi menghasilkan lebih banyak kandungan digital yang dapat memperkenalkan keunikan identiti masyarakat orang asal serta memastikan bahasa dan warisan mereka tidak luput ditelan zaman.

"Kita mesti mempunyai pendekatan baharu dalam membangunkan masyarakat dan memastikan identiti kita terus terpelihara. Siapa lagi yang akan mengetengahkan bahasa, adat dan budaya kita kalau bukan kita sendiri," katanya.

Pada masa sama katanya, usaha mempertahankan identiti orang asal perlu bergerak seiring dengan pembangunan ekonomi dan keusahawanan.

Lihat Muka 7

KENANGAN: Ewon (empat kanan) merakamkan gambar kenangan semasa di majlis itu.

Remaja maut motosikal terbabas langgar penghadang besi

Oleh Hamzah Sanudin

BEAUFORT: Seorang remaja lelaki maut selepas motosikal ditunggangnya terbabas sebelum melanggar penghadang besi di Jalan Kota Klias-Kampung Betandok, di sini, pada Ahad.

Dalam kejadian kira-kira jam 8.14 malam itu, mangsa berusia 17 tahun mengalami kecederaan pada muka dan anggota badan sebelum disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan Hospital Beaufort.

Ketua Polis Daerah Beaufort, Superintendan Champin Piuh berkata, siasatan awal mendapati mangsa dalam perjalanan dari Kampung Betandok menuju ke Kampung Kota Klias.

"Setibanya di lokasi kejadian yang melalui jalan berselekoh, mangsa dipercayai hilang kawalan sebelum motosikalnya terbabas ke tepi jalan dan melanggar penghadang besi

"Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Beliau berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian diminta menghubungi pegawai penyiasat, Inspektor Khairul Shazree Hashim di talian 010-2531451 atau tampil di mana-mana balai polis berhampiran.

"Pengguna jalan raya dinasihatkan supaya sentiasa berhati-hati, khususnya ketika melalui jalan berselekoh, selain memastikan kenderaan berada dalam keadaan baik dan mematuhi peraturan lalu lintas," katanya.

MAUT: Lokasi kemalangan maut membabitkan motosikal yang terbabas sebelum melanggar penghadang besi di Jalan Kota Klias-Kampung Betandok, Beaufort.



JEREBU: JAS merekodkan status IPU yang menunjukkan dua stesen mencatatkan bacaan tidak sihat iaitu 157 untuk Stesen Kota Kinabalu dan 151 Stesen Kimanis.

JAS Sabah tingkat pemantauan, 523 rondaan OMPT dijalankan

Oleh Siti Aisyah Narudin

KOTA KINABALU: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sabah terus menjalankan aktiviti penguatkuasaan bagi memantau bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) dari semasa ke semasa berikutan keadaan cuaca panas dan kering di negeri ini.

Pengarah JAS Sabah Nor Rashidah Mohd Ghazali berkata, setakat 6 September 2026, sebanyak 523 rondaan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT) dijalankan pihak JAS.

Katanta, rondaan harian itu dilaksanakan di kawasan Kota Kinabalu, Penampang, Papar, Beaufort, Sandakan dan Tawau.

Menurutnya, tumpuan diberikan di kawasan-kawasan sensitif serta lokasi berhampiran stesen pengawasan kualiti udara sedia ada.

"IPU yang direkodkan di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar bagi Sabah pada jam 5 petang Ahad menunjukkan dua stesen mencatatkan bacaan tidak sihat iaitu 157 untuk Stesen Kota Kinabalu dan 151 Stesen Kimanis.

"Tiga stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana iaitu Stesen Tawau 81, Stesen Sandakan 70, dan Stesen Keningau 96," katanya dalam kenyataan di sini kelmarin.

Beliau berkata, tiada bacaan (NA) bagi Stesen Politeknik berikutan terdapat kerja penyelenggaraan substesen elektrik) bagi jam 5 petang.

Dalam pada itu katanya, berdasarkan laporan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah dan hasil rondaan pencegahan pembakaran terbuka yang dilaksanakan oleh pegawai JAS pada Ahad lepas, tiada kejadian kebakaran besar lain dikesan atau dilaporkan di sekitar kawasan di sekitar Kota Kinabalu, Penampang, Papar, Beaufort, Sandakan dan Tawau.

Waktu Solat

Imsak Subuh Zohor Asar Maghrib Isyak

Pantai Barat (Kota Kinabalu)	4:49 am	4:59 am	12:16 pm	3:16 pm	6:20 pm	7:30 pm
Bandar Sandakan, Bukit Garam, Semawang, Tomanggong, Bukit Garam dan Kinabatangan (Zon I)	4:42 am	4:52 am	12:08 pm	3:08 pm	6:13 pm	7:22 pm
Sandakan (Barat) Terusan, Beluran, Kuamut, Paitan, Telupid, Tongod dan Pinangah (Zon II)	4:46 am	4:56 am	12:12 pm	3:13 pm	6:16 pm	7:26 pm
Tambisan, Sahabat, Tungku, Semporna, Silabukan, Lahad Datu dan Kunak (Zon III)	4:40 am	4:50 am	12:06 pm	3:07 pm	6:10 pm	7:20 pm
Tawau (Barat) Balong, Bandar Tawau, Pulau Sebatik, Merotai dan Kalabakan (Zon IV)	4:44 am	4:54 am	12:09 pm	3:11 pm	6:13 pm	7:23 pm
Kudat, Kota Marudu, Pitas, Pulau Banggi (Zon V)	4:45 am	4:55 am	12:12 pm	3:15 pm	6:17 pm	7:27 pm
Pensiangan, Nabawan, Sook, Sepulut, Tambunan dan Keningau (Zon VIII)	4:49 am	4:59 am	12:15 pm	3:15 pm	6:19 pm	7:29 pm
Tenom, Long Pasia, Membakut, Beaufort, Kuala Penyu, Weston, Menumbok dan Sipitang (Zon IX)	4:51 am	5:01 am	12:17 pm	3:18 pm	6:21 pm	7:31 pm

Diterbitkan oleh: Harian Borneo Sdn. Bhd. (No Syarikat 235591-D) & Dicetak oleh See Hua Daily News (S) Sdn. Bhd. (No Syarikat 202484-T) Editorial Tel: 088-318991, Fax: 088-315991: Pemasaran Tel: 088-318811, Fax: 088-318399

Gagasan Rakyat Lahad Datu mahu kukuhkan perpaduan

Pembentukan jawatankuasa penaja baharu menjadi langkah penting untuk menyatukan kepimpinan, kata Rajesh

Oleh Hamzah Sanudin

LAHAD DATU: Perpaduan dalaman dan kekuatan jentera parti menjadi taruhan Parti Gagasan Rakyat Sabah (Gagasan Rakyat) Bahagian Lahad Datu dalam usaha memastikan parti lebih bersedia menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16).

Ketua Bahagian Gagasan Rakyat Lahad Datu, Ir. Rajesh Yusof berkata, pembentukan jawatankuasa penaja baharu menjadi langkah penting untuk menyatukan kepimpinan di peringkat bahagian dan cawangan, selain memperkemas gerak kerja parti.

Katanya, amanah yang diberikan kepada barisan kepimpinan baharu bukan tugas kecil, sebaliknya memerlukan sokongan seluruh anggota bagi memastikan Gagasan Rakyat Lahad Datu terus kukuh dan berkembang.



KEPIMPINAN: Rajesh (duduk, tengah) bergambar bersama barisan kepimpinan baharu Gagasan Rakyat Bahagian Lahad Datu.

"Kasih sayang, perpaduan dan keharmonian perlu menjadi tunjang kepimpinan supaya semua anggota dapat bergerak sebagai satu pasukan.

"Dalam perbincangan bersama Presiden, beliau melahirkan harapan supaya kita di Lahad Datu bersatu kerana kemenangan tidak akan dicapai sekiranya kita terus berpecah," katanya.

Rajesh berkata, usaha mengharmonikan bahagian berkenaan sudah dimulakan selaras mandat dan arahan pucuk pimpinan parti.

Menurutnya, usaha itu turut diperluaskan dengan merapatkan hubungan bersama komponen Gabungan Rakyat Sabah (GRS) serta rakan kerjasama parti.

"Kita perlu merapatkan semua ketua, bukan sahaja dalam Gagasan Rakyat tetapi juga dalam komponen GRS serta rakan kerjasama kita," katanya.

Beliau berkata, kekuatan Gagasan Rakyat perlu dibina dari dalam dengan memastikan sebarang perbezaan pandangan diselesaikan menerusi saluran yang betul tanpa menjejaskan hubungan sesama anggota.

"Kita mulakan lembaran baharu, perkuatkan parti dan buktikan kepada pucuk pimpinan bahawa kita mampu bergerak sebagai satu pasukan," katanya.

Mengulas persiapan PRU16, Rajesh berkata, jentera Gagasan Rakyat Lahad Datu perlu sentiasa berada dalam keadaan siap siaga untuk turun padang dan mendekati masyarakat sekiranya pilihan raya berkenaan diadakan.

Katanya, soal pemilihan calon Parlimen hendaklah diserahkan kepada Presiden dan pucuk pimpinan parti bagi menentukan calon yang benar-benar mempunyai kemampuan memenangi kerusi berkenaan.

"Kita perlu turun padang, menyantuni masyarakat dan memastikan parti bergerak tanpa masalah, kekacauan atau pertelingkahan," katanya.

Menurutnya, PRU16 turut dilihat sebagai peluang untuk memperkukuh kedudukan GRS di Lahad Datu sebelum gerak kerja diteruskan bagi menghadapi pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) akan datang.

Dalam pada itu, beliau berkata, struktur organisasi bahagian turut diperkemas dengan penyelaras di peringkat DUN bagi memastikan gerak kerja parti dapat dilaksanakan secara lebih tersusun dan berkesan.

"Ketua cawangan juga perlu mengenali ahli masing-masing, menjaga kebajikan serta memberi bimbingan bagi memastikan struktur parti di peringkat akar umbi terus berfungsi," katanya.

Inkues: Jika masih hidup, Zara Qairina mungkin koma sepanjang hayat

KOTA KINABALU: Bapa Zara Qairina, Mahathir Mohd Hashim, 45, memberitahu Mahkamah Koroner di sini semalam bahawa jika masih hidup, anak perempuannya itu mungkin berada dalam keadaan koma sepanjang hayat.

Saksi ke-80 dalam prosiding inkues kematian pelajar Tingkatan Satu itu berkata perkara tersebut dimaklumkan kepadanya oleh seorang doktor wanita ketika beliau melawat Zara Qairina di Unit Kecemasan, Hospital Queen Elizabeth (HQE) I pada 16 Julai tahun lepas.

Mahathir berkata beliau turut dimaklumkan bahawa keadaan Zara Qairina ketika itu adalah kritikal dengan kecederaan serius melibatkan pendarahan otak, paru-paru, buah pinggang selain patah kaki.

"Semasa saya berada di sisi katil Zara bersama dengan doktor-doktor yang lain, saya nampak bantal di tempat Zara berbaring penuh dengan darah.

"Selepas itu, saya memegang kepala Zara dan mencium dahinya… semasa saya memegang bahagian belakang kepala Zara, saya dapat merasakan bahawa bahagian belakang atas leher Zara lembut dan seolah-olah terdapat lekukan.

"Saya juga mendapati kaki kiri Zara pula dibalut dari bahagian paha hingga ke tapak kaki," katanya ketika membacakan pernyataan saksi di hadapan Koroner Amir Shah Amir Hassan.

Saksi itu berkata beliau tiba di Unit Kecemasan HQE I pada kira-kira 1 tengah hari hingga 3 petang 16 Julai selepas dimaklumkan Zara Qairina berada di hospital berkenaan sebelum bertemu Noraidah Lamat di luar dan bertanya tentang keberadaan anak mereka.

Selepas dimaklumkan oleh Noraidah, Mahathir berkata beliau terus ke katil Zara Qairina setelah mendapat kebenaran daripada jururawat di unit itu dan melihat dua doktor wanita bersama dengan anaknya.

Namun, saksi itu berkata beliau tidak ingat nama kedua-dua doktor dan tidak mengetahui jawatan atau pangkat mereka.

Mahathir turut memaklumkan bahawa beliau tidak pernah ditanya sama ada bersetuju atau sebaliknya berkaitan proses bedah siasat ke atas Zara Qairina.

Mahathir berkata seorang doktor telah mengesahkan kematian Zara Qairina pada 17 Julai 2025 dan ketika itu, beliau berada bersama dengan doktor berkenaan di HQE I.

Saksi itu berkata beliau berada di HQE I dari 16 hingga 17 Julai dan tidur di kawasan hospital untuk menunggu perkembangan berkaitan anaknya.

Beliau juga memaklumkan ada berjumpa dengan beberapa guru wanita di luar unit kecemasan untuk bertanya apa sebenarnya yang berlaku kepada Zara Qairina dan sama ada mereka adalah warden.

"Namun, mereka hanya memperkenal diri mereka sebagai guru Sejarah dan guru Bahasa Melayu," katanya.

Ketika ditanya oleh Amir Shah sama ada saksi itu ingin menyampaikan sesuatu selepas selesai memberi keterangan, Mahathir berkata beliau tidak mahu nama Zara Qairina dikaitkan lagi dengan perkara yang tidak benar dan berharap prosiding inkues ini dapat diselesaikan secara adil untuk anaknya.

Zara Qairina meninggal dunia di HQE pada 17 Julai 2025, sehari selepas ditemukan tidak sedarkan diri di dalam longkang berhampiran asrama sekolahnya kira-kira 4 pagi.

Prosiding bersambung pada Rabu. — Bernama

SUMBANGAN: Darren, Winnie dan Tung Yun Tai mengagihkan bantuan kepada Tadika Northern Chinese Penampang.

FAS jayakan sumbangan untuk Tadika Northern Chinese Penampang

PENAMPANG: Food Aid Sabah (FAS) terus konsisten melaksana misi kebajikan sosialnya apabila menyertai pertubuhan kebajikan tempatan dan dermawan menjayakan program sumbangan kasih di Tadika Northern Chinese Penampang, di sini baru-baru ini.

Menerusi program berkenaan, sebanyak 54 set barangan keperluan asas dan peralatan persekolahan telah diserahkan kepada murid-murid, guru-guru serta kakitangan tadika terbabit bagi meringankan beban keluarga golongan B40 dan warga kerja sekolah.

Penyerahan bantuan itu diketuai Pengerusi FAS, Darren Liew bersama Pengerusi Persatuan Kebajikan San Chuan Sabah, Timothy Liew serta ahli jawatankuasa lain dengan kerjasama dan penyelarasan daripada penderma prihatin, Tung Yun Tai.

Selain menyampaikan sumbangan barangan keperluan asas secara terus kepada keluarga murid yang terlibat, penganjur turut menyediakan hidangan sarapan pagi buat seluruh warga tadika berkenaan.

Program itu turut mendapat sokongan padu daripada Dato Winnie Lee yang bertindak sebagai penyumbang utama bagi keseluruhan peralatan persekolahan termasuk beg sekolah, kotak pensel, botol air dan pelbagai alat tulis untuk kegunaan murid-murid tadika berkenaan.

Dalam pada itu, orang ramai yang berhasrat menyumbangkan sebarang bantuan seperti pakaian atau mainan terpakai untuk diagih kepada golongan sasar amat dialu-alukan.

Merkea boleh menghubungi FAS di talian 016-2200520 atau melayari laman Facebook rasmi Food Aid Sabah untuk maklumat lanjut.

Remaja maut dipercayai lemas di Sungai Tagal

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Seorang remaja lelaki meninggal dunia selepas dipercayai lemas ketika mandi bersama rakan-rakannya di Sungai Tagal, Kampung Kijang di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 10.30 pagi itu, mangsa berusia 19 tahun, ditemukan dalam keadaan tidak sedarkan diri sebelum dibawa orang awam ke klinik berhampiran untuk mendapatkan rawatan.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tawau, Jemishin Ujin berkata, pihaknya menerima panggilan daripada orang awam yang memaklumkan kejadian berkenaan pada jam 10.38 pagi.

Katanya, seramai tujuh anggota BBP Tawau kemudian digerakkan ke lokasi kejadian yang terletak kira-kira 33 kilometer dari balai.

"Pasukan bomba bergerak ke lokasi untuk mendapatkan maklumat lanjut serta menjalankan pemantauan keadaan mangsa.

"Mangsa disahkan meninggal dunia oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada jam 11.28 pagi," katanya dalam kenyataan semalam.

Jemishin berkata, mangsa kemudiannya diserahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk tindakan lanjut.

"Operasi ditamatkan sepenuhnya pada jam 12.02 tengah hari selepas keadaan di lokasi kejadian disahkan selamat," katanya.

Sambutan Maulidur Rasul, Kemerdekaan perkukuh keharmonian warga Kampung Lok Kawi Baru

PUTATAN: Sambutan Maulidur Rasul dan Kemerdekaan Peringkat Kampung Lok Kawi Baru berlangsung meriah dengan menghimpunkan masyarakat setempat menerusi pelbagai pengisian keagamaan, patriotik dan kekeluargaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Petagas, Datuk Awang Ahmad Sah Awang Sahari berkata, penganjuran program berkonsepkan kemasyarakatan itu mampu menyemarakkan kecintaan terhadap Rasulullah SAW, memupuk semangat patriotisme serta mempererat hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk.

"Program seperti ini wajar diteruskan kerana ia bukan sahaja menyemai nilai keagamaan dan kecintaan kepada negara, malah mengukuhkan perpaduan serta semangat kebersamaan dalam masyarakat," katanya ketika berucap merasmikan program bertemakan 'Keluarga Merdeka: Ceria Sekampung' di Masjid Dhuyufur Rahman di sini sini pada Ahad.

SAMBUTAN: Awang Ahmad Sah (duduk tengah) bersama tetamu jemputan yang hadir pada majlis Sambutan Maulidur Rasul dan Kemerdekaan Peringkat Kampung Lok Kawi Baru.

JUARA: Kumpulan Al Madinah dinobatkan sebagai juara pertandingan Qasidah Al-Burdah.

Program berkenaan dimeriahkan dengan pertandingan Busana Merdeka, persembahan Qasidah Al-Burdah, persembahan kompang oleh golongan belia serta cabutan bertuah.

Pertandingan Busana Merdeka menyaksikan Nur Diah Humaira Azmi muncul juara, diikuti Nurul Aleesya Rosri di tempat kedua, Quesyairi Ranif di tempat ketiga dan Nur Aqilah Zulaikha Zainal Abidin di tempat keempat.

Bagi pertandingan Qasidah Al-Burdah, kumpulan Al-Madinah dinobatkan sebagai juara, manakala Az-Zahra menduduki tempat kedua dan Raudah di tempat ketiga. Wardatul Muntaha pula menduduki tempat keempat, diikuti Al-Hijrah, Kompang, Silaturahim dan Anak Soleh.

Majlis itu turut menyaksikan Awang Akub Mohd Amir menerima Anugerah Tokoh Semarak Patriotisme, manakala Wahab Doyot menerima Anugerah Tokoh Bakti Masjid sebagai penghargaan atas sumbangan dan khidmat mereka kepada masjid serta masyarakat setempat.

Turut hadir, Pegawai Kemajuan Masyarakat (CDO) Petagas, Jainudin Badarudin; Pengerusi Masjid Dhuyufur Rahman, Radik Taim; Ketua Kampung Lok Kawi Baru, Mohd Yahya Rasit; Penasihat Ahli Jawatankuasa Masjid Dhuyufur Rahman, Razak Yusof; serta Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Lok Kawi Baru, Nur Izzul Izzuddin Radik, bersama ahli jawatankuasa masjid dan penduduk kampung.

KKDW tidak belanja melebihi peruntukan diluluskan: TPM

Perbelanjaan kementerian berdasarkan peruntukan dinyatakan dalam belanjawan atau jumlah yang telah diluluskan kerajaan

CYBERJAYA: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) tidak akan membelanjakan peruntukan melebihi jumlah yang diluluskan kerajaan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, perbelanjaan kementerian adalah berdasarkan peruntukan yang dinyatakan dalam belanjawan atau jumlah yang telah diluluskan kerajaan.

"Perkara yang dibelanjakan itu secara tidak langsung menjawab persoalan KSP (Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Johan Mahmood Merican).

"Tiada sebuah kementerian belanja melebihi yang dinyatakan dalam ucapan belanjawan atau yang telah diperuntukkan," katanya ketika berucap pada sesi pembukaan Bengkel Kerjasama Strategik Pusat Komuniti Desa (PKD) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di sini, semalam.

Isu mengenai peruntukan KKDW itu timbul susulan kenyataan Ahmad Zahid mengenai masalah kelewatan bayaran kepada kontraktor yang melaksanakan projek di bawah kementeriannya.

Beliau berkata, masalah tersebut memberikan kesan kepada kontraktor yang melaksanakan projek kerajaan, justeru menegaskan isu itu perlu diselesaikan supaya kelewatan bayaran tidak berlarutan.

Pada 2 September, Johan memaklumkan tidak ada sebarang sekatan terhadap peruntukan KKDW bagi projek jalan luar bandar manakala keseluruhan peruntukan bagi projek berkenaan telah disalurkan. — Bernama

TARIKAN: Ahmad Zahid (dua kanan) bersama Menteri Komunikasi Datuk Seri Fahmi Fadzil (kanan) melihat produk yang dijual di Ruangan Usahawan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di lobi Menara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) semalam. Turut sama, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi Datuk Abdul Halim Hamzah (kiri) dan Pengerusi MCMC Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din (dua kiri). — Gambar Bernama

> "Tiada sebuah kementerian belanja melebihi yang dinyatakan dalam ucapan belanjawan atau yang telah diperuntukkan."
>
> **Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi**
> *Timbalan Perdana Menteri*

Kerjasama antara NADI dan PKD utamakan sinergi, penyampaian perkhidmatan bermanfaat kepada rakyat, kata Fahmi

CYBERJAYA: Usaha memperkukuh kerjasama Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) dan Pusat Komuniti Desa (PKD) di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) mencerminkan pendekatan kerajaan yang mengutamakan sinergi, pengoptimuman sumber dan penyampaian perkhidmatan yang memberikan manfaat kepada rakyat.

Menteri Komunikasi Datuk Seri Fahmi Fadzil berkata, NADI bukan lagi sekadar menyediakan komputer dan capaian Internet malah juga berkembang sebagai pusat maklumat dan pemerkasaan komuniti yang menghubungkan rakyat dengan kemahiran, peluang serta perkhidmatan kerajaan.

"Terdapat 191 PKD di bawah KKDW, lengkap dengan kemudahan, sumber dan jaringan bersama masyarakat. Berasaskan kekuatan yang dimiliki oleh PKD dan NADI, saya percaya terdapat ruang yang besar untuk kedua-duanya saling melengkapi dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

"Inilah semangat whole-of-government yang perlu kita terjemahkan. Bukan siapa yang memiliki sesuatu kemudahan, sebaliknya cara kemudahan dan sumber kerajaan yang tersedia dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat," katanya ketika berucap pada Sesi Bengkel Kerjasama Strategik PKD dan NADI di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah serta Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din.

Fahmi berkata, pendekatan itu selari dengan usaha kerajaan memperkasakan konsep masyarakat tanpa tunai termasuk penggunaan dompet digital, yang kini perlu diperluas kepada penguasaan teknologi kecerdasan buatan (AI).

"Harapan kami satu NADI sekurang-kurangnya melahirkan seorang prompt engineer. Sekiranya kita memupuk masa depan anak-anak muda, untuk memanfaatkan awan dan AI, maka mereka boleh mencipta aplikasi untuk membantu termasuk komuniti dan ekonomi setempat," katanya.

Dalam perkembangan lain, Fahmi berkata, beliau mengarahkan MCMC supaya bertindak tegas terhadap penyalahgunaan platform e-dagang atau pasaran dalam talian bagi tujuan penjualan dadah termasuk dadah sintetik, fentanyl.

Beliau juga menerima mesej daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai gejala berkenaan yang dilihat semakin membimbangkan, katanya.

"Saya telah mengarahkan pihak MCMC (supaya bertindak tegas) dan selepas ini, mereka ada satu pertemuan dengan satu daripada platform yang kita lihat terbabit dalam penyalahgunaan rangkaian yang membolehkan dadah seperti fentanyl ataupun yang disebut sebagai 'piu-piu' dijual di Malaysia," katanya.

Fahmi berkata, usaha kerajaan menyediakan akses Internet yang baik serta melengkapkan kemudahan PKD dan NADI bertujuan merapatkan jurang digital antara kawasan luar bandar, pinggir bandar dan bandar.

"Tapi sekiranya rangkaian komunikasi ini tidak selamat dan pengguna juga kurang arif, kurang fasih untuk menjaga keselamatan diri, bukan hanya jualan dadah yang boleh pergi ke merata tempat malah pelbagai masalah lain juga sudah pasti akan muncul termasuk masalah scam," katanya. — Bernama

Hari Malaysia 2026 tonjol keunikan budaya menerusi gabungan artis, persembahan pelbagai etnik

KUALA LUMPUR: Sambutan Hari Malaysia 2026 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK), Sarawak pada 16 September ini bakal menonjolkan keunikan budaya menerusi gabungan artis dan persembahan pelbagai etnik dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan Kementerian Komunikasi Harun Ali berkata sambutan yang bertemakan 'Malaysia MADANI: Kesejahteraan Dinikmati' itu dijangka dihadiri kira-kira 5,000 jemputan termasuk wakil komuniti tempatan.

Beliau berkata, penglibatan artis ternama seperti Faizal Tahir dari Semenanjung, Dayang Nurfaizah mewakili Sarawak dan Stacy Anam bagi Sabah, melambangkan penyatuan serta perpaduan tiga wilayah utama yang membentuk Malaysia.

"Di samping majlis utama di BCCK, pelbagai program sisipan turut diadakan di sekitar Kuching bagi memberi peluang kepada orang ramai menyemarakkan lagi semangat Hari Malaysia.

"Antaranya pameran sejarah pembentukan Malaysia di Plaza Merdeka, Kuching serta pameran mini di semua bahagian di Sarawak untuk akses orang awam yang bermula pada 10 September," katanya ketika menjadi tetamu program Selamat Pagi Malaysia terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM), semalam.

Harun berkata, pemilihan Sarawak sebagai tuan rumah tahun ini adalah berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 2020 yang menetapkan penganjuran Hari Malaysia digilirkan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Beliau berkata, majlis kemuncak sambutan yang bermula pada jam 8.30 malam itu akan disiarkan secara langsung menerusi saluran RTM dan pelbagai platform media sosial rasmi dan maklumat lanjut yang boleh diakses menerusi portal rasmi Merdeka360 bagi memudahkan masyarakat mengetahui mengenai tentatif dan lokasi program.

Harun berkata, bersempena dengan sambutan, majlis doa selamat akan diadakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak pada 15 September ini bagi memperingati pengorbanan dan usaha pemimpin terdahulu dalam menyatukan wilayah menjadi Malaysia.

Beliau berkata selain itu, Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2026 turut menganjurkan pameran Hari Malaysia di Semenanjung melibatkan beberapa lokasi termasuk di Menara Komunikasi dan pusat beli belah IOI City Mall, Putrajaya bagi memberikan peluang kepada orang ramai lebih memahami sejarah pembentukan Malaysia.

"Kita juga menjemput warga muda yang ada TikTok dan sebagainya untuk sama-sama membuat penstriman langsung dengan kandungan positif berkaitan semangat Hari Malaysia dan kita jemput semua untuk sama-sama berkongsi kemeriahan itu," katanya. — Bernama

Santuari Ikan Kelah TER di Hulu Besut dijangka merancakkan sektor pelancongan Terengganu

JERTIH: Santuari Ikan Kelah di Taman Eko Rimba (TER) Lata Tembakah, di Hulu Besut di sini yang akan dibuka dalam masa terdekat bakal merancakkan lagi sektor pelancongan di Terengganu menerusi produk ekopelancongan berasaskan alam semula jadi.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Terengganu, Datuk Razali Idris berkata, sebanyak 1,000 ekor anak ikan kelah telah dilepaskan di lokasi tersebut baru-baru ini sebagai langkah awal pembangunan santuari yang turut berperanan memulihara spesies ikan tersebut.

"Santuari ini akan menggabungkan elemen pendidikan dan ekopelancongan, sekali gus memberi nilai tambah kepada produk pelancongan berasaskan alam semula jadi di negeri ini.

"Penglibatan komuniti setempat juga akan diberi keutamaan dalam aspek penjagaan dan pemeliharaan santuari supaya usaha konservasi ikan kelah dapat dilaksanakan secara mampan," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Beliau berkata Santuari Ikan Kelah di TER Lata Tembakah akan menjadi santuari ikan kelah ketiga di Terengganu selepas Tasik Kenyir, Hulu Terengganu dan Ulu Kasar, Setiu.

Razali berkata, kewujudan produk pelancongan baharu itu berpotensi meningkatkan daya tarikan Hulu Besut sebagai destinasi rekreasi dan ekopelancongan, selain memberi limpahan ekonomi kepada masyarakat setempat.

"Kewujudan santuari ini mampu mempopularkan semula Air Terjun Lata Tembakah sebagai antara destinasi pelancongan berasaskan alam semula jadi yang popular di Terengganu.

"Usaha ini juga dijangka membantu merancakkan sasaran kehadiran kira-kira 15 juta pelancong domestik dan antarabangsa ke negeri ini sempena Tahun Melawat Terengganu 2027," katanya.

Dalam perkembangan sama, Razali berkata tarikh pembukaan semula TER Lata Tembakah akan diumumkan Pejabat Perhutanan Negeri Terengganu selepas kerja penambahbaikan kemudahan di kawasan berkenaan selesai.

TER tersebut ditutup hampir dua tahun selepas beberapa infrastrukturnya termasuk jambatan gantung mengalami kerosakan susulan Monsun Timur Laut pada 2024. — Bernama

SANTUARI KELAH: Timbalan yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, Khazan Che Mat (lapan, kanan), yang mewakili Razali, melepaskan anak ikan kelah di Santuari Ikan Kelah di Taman Eko Rimba (TER) Lata Tembakah di Hulu Besut di Jertih. Sebanyak 1,000 ekor anak ikan kelah telah dilepaskan di lokasi tersebut baru-baru ini sebagai langkah awal pembangunan santuari yang turut berperanan memulihara spesies ikan berkenaan. — Gambar Bernama

Teknologi nuklear berkembang perkasa keterjaminan makanan

KUALA LUMPUR: Penggunaan teknologi nuklear di Malaysia kini berkembang melangkaui sektor perubatan dan industri kepada usaha memperkukuh keterjaminan makanan negara menerusi pembangunan baka tanaman baharu yang mempunyai tempoh matang lebih singkat serta hasil lebih tinggi.

Pengarah Kanan Program Pengurusan Agensi Nuklear Malaysia Dr Shukri Mohd berkata, menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) menggunakan teknologi pembiakbakaan mutasi nuklear, tempoh matang ubi kayu berjaya dipendekkan kepada seawal enam bulan berbanding 10 hingga 12 bulan bagi baka biasa.

"Langkah ini bukan sahaja mengurangkan kos pengeluaran bagi petani, malah juga meningkatkan kecekapan penggunaan tanah serta menghasilkan saiz ubi kayu yang lebih besar," katanya ketika menjadi tetamu program Apa Khabar Malaysia terbitan Bernama TV, di sini, semalam.

Beliau berkata, selain ubi kayu, Agensi Nuklear Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta Jabatan Pertanian turut menghasilkan dua baka padi baharu, NMR 151 dan NMR 152.

Kedua-dua baka itu menghasilkan tuaian lebih tinggi serta mempunyai daya tahan terhadap penyakit dan cuaca ekstrem termasuk kemarau berpanjangan serta banjir, katanya.

Sementara itu, Setiausaha Bahagian Pembudayaan dan Perkhidmatan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Abdullah Daud berkata, program 'Evokasi Nuklear untuk Rakyat' dilancarkan tahun ini bagi memperbetulkan persepsi masyarakat yang masih mengaitkan teknologi nuklear dengan kemusnahan, radiasi dan senjata peperangan. — Bernama

Sindiket memproses dadah RM27.5 juta ditumpaskan

Suspek utama lelaki berusia 52 tahun ditembak mati selepas bertindak agresif melepaskan tembakan ke arah polis

SEREMBAN: Polis menumpaskan sindiket memproses dadah dipercayai Methylenedioxymethamphetamine (MDMA) bernilai RM27.5 juta menerusi Operasi Thrips di daerah ini dan Kuala Lumpur, kelmarin.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman Datuk Hussein Omar Khan berkata, dalam operasi kira-kira jam 1.30 petang itu, suspek utama seorang lelaki berusia 52 tahun ditembak mati di sebuah rumah teres di sini selepas bertindak agresif dengan melepaskan tembakan ke arah polis.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati rumah teres itu disewa sejak awal tahun ini untuk dijadikan makmal memproses dadah dan modus operandi sindiket ialah memilih kawasan perumahan berkepadatan rendah untuk mengaburi kegiatan mereka.

Hussein berkata, hasil pemeriksaan lanjut ke atas premis itu, polis merampas dadah disyaki MDMA iaitu jenis cecair dianggarkan seberat 64.49 kilogram (kg), ketulan dadah (5.2kg), pil dadah (7.9kg), serbuk dadah (104.8kg) dan pelbagai peralatan memproses dadah.

TUMPAS: Hussein Omar menunjukkan pelbagai barangan rampasan ketika sidang media penumpasan sindiket memproses dadah menerusi Ops Thrips di Ibu Pejabat Polis Daerah Seremban semalam. — Gambar Bernama

"Kita percaya suspek memperoleh dadah ini dengan bantuan ahli sindiket lain yang membawa masuk prekursor pemprosesan dadah dari luar negara."

"Suspek ditembak mati ini juga mempunyai kepakaran dalam memproses bahan kimia untuk dijadikan dadah jenis MDMA ataupun ekstasi," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seremban di sini, semalam.

> "Kita percaya suspek memperoleh dadah ini dengan bantuan ahli sindiket lain yang membawa masuk prekursor pemprosesan dadah dari luar negara."
>
> **Datuk Hussein Omar Khan**
> *Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman*

Beliau berkata, polis percaya suspek berpengalaman dalam aktiviti berkaitan dadah sejak 1990-an kerana mempunyai tiga rekod tangkapan dan hukuman penjara di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Hussein berkata, suspek juga dikehendaki di bawah Seksyen 3(1) Akta Pencegahan 1961, selain mempunyai rekod jenayah lampau mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksaan.

"Dadah berkenaan dipercayai untuk pasaran tempatan dan luar negara. Polis sedang giat memburu beberapa lagi suspek yang disyaki melarikan diri ke luar negara," katanya.

Sementara itu, Hussein berkata serbuan berasingan turut dilakukan di Seremban 2 dan sebuah rumah di Kuchai Lama, Kuala Lumpur, membawa kepada penahanan dua lagi ahli sindiket iaitu seorang wanita berusia 32 tahun serta seorang lelaki berusia 35 tahun.

Beliau berkata, saringan air kencing terhadap kedua-dua individu itu mendapati mereka positif dadah jenis Methamphetamine dan THC selain mempunyai pelbagai rekod jenayah lampau termasuk dadah.

Hussein berkata, kedua-dua suspek itu direman tujuh hari sehingga 13 September ini untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan dan Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Beliau berkata, polis turut menyita tiga kereta dan menyifatkan rampasan dadah itu dapat mengekang pengedaran dadah kepada lebih 400,000 penagih. — Bernama

Empat termasuk dua beradik didakwa bunuh lelaki di ladang kelapa sawit

SUNGAI PETANI: Empat lelaki termasuk dua beradik dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam, atas pertuduhan membunuh seorang lelaki di kawasan ladang kelapa sawit di sini, bulan lalu.

Mohamad Bakri Mahidin, 37, dan adiknya Muhamadariff Mahidin, 26, serta Mohamad Iekram Mohd Zaki, 29, dan Mohd Firdaus Che Mustafa, 36, mengangguk faham selepas pertuduhan dibacakan secara bersama di hadapan Majistret Noor Farah Hazwani Osman.

Tiada pengakuan direkodkan daripada kesemua tertuduh dengan dua daripada mereka bekerja sebagai buruh, sementara dua lagi sebagai pengawal keselamatan dan pencuci kenderaan, kerana kes itu di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mengikut pertuduhan, keempat-empat mereka didakwa secara bersama membunuh Mohd Badaruddin Md Nayan, 30, di kawasan ladang kelapa sawit di Kampung Sungai Division, di sini, antara jam 1.30 petang hingga 3 petang, 23 Ogos lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama, yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara antara 30 hingga 40 tahun dan sebatan tidak kurang daripada 12 kali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nur Hazwani Mohd Noor, manakala peguam Durratul 'Ain Mahmud Morshidi bertindak sebagai amicus curiae bagi memaklumkan kepada mahkamah mengenai keperluan perubatan dua tertuduh.

Durratul 'Ain memaklumkan, Mohamad Iekram merupakan pemegang kad Orang Kurang Upaya (OKU) fizikal dan mengalami kecederaan pada kaki kanan akibat kemalangan, manakala Mohamad Bakri menghidap asma.

Beliau berkata, kedua-dua tertuduh memerlukan perhatian dari sudut perubatan bagi menghadapi perbicaraan kes berkenaan yang dijangka berlarutan untuk tempoh lama. — Bernama

Siasatan FELDA: Bekas pengarah besar direman lima hari hingga 11 September

PUTRAJAYA: Bekas pengarah besar FELDA direman lima hari bagi membantu siasatan kes salah guna kuasa berhubung pelantikan syarikat pemaju bagi sebuah projek di ibu negara, selain urusan penjualan tanah milik badan berkanun berkenaan.

Perintah reman bermula semalam hingga 11 September terhadap suspek berumur lewat 60-an itu dikeluarkan oleh Majistret Ezrene Zakariah selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

SPRM sebelum ini memanggil dua lelaki berusia lingkungan 50-an dan 60-an bagi membantu siasatan berhubung kes berkenaan.

Kedua-dua individu itu disyaki terlibat dalam urusan penjualan tanah milik badan berkanun berkenaan kepada syarikat yang mempunyai kepentingan dengan syarikat pemaju tanpa pengetahuan Ahli Lembaga Pengarah dan anak syarikat.

Media melaporkan SPRM menahan dua individu, termasuk seorang bekas pengarah besar sebuah badan berkanun bergelar Datuk kira-kira jam 4 petang kelmarin, ketika hadir memberikan keterangan di Ibu Pejabat SPRM di sini.

Semalam, Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Abd Halim Aman mengesahkan penahanan itu dan memaklumkan kes disiasat di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Minggu lalu, SPRM membuka tujuh kertas siasatan berhubung dakwaan penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah membabitkan FELDA serta anak syarikatnya, FELDA Investment Corporation Sdn Bhd (FIC).

Abd Halim dilaporkan berkata, penyiasatan khas berskala besar yang dinamakan sebagai Ops FELLA itu menumpukan kepada transaksi pelaburan dan pengambilalihan aset oleh pengurusan FELDA dan FIC dalam tempoh 10 tahun, iaitu antara 2010 hingga 2020.

Daripada jumlah itu, enam kertas siasatan baharu dibuka pada 24 Ogos lalu manakala satu lagi adalah kertas siasatan lama yang masih aktif dan sedang menjalani proses Bantuan Perundangan Bersama (MLA).

Kertas siasatan berkenaan merangkumi isu pelaburan Syarikat Tataran Aras Sdn Bhd yang berpusat di Limbang, Sarawak, pengambilalihan Grand Borneo Hotel Sdn Bhd di Sabah serta pembelian Grand Plaza Serviced Apartments di London.

Siasatan turut difokuskan kepada penubuhan FELDA Wellness Corporation Sdn Bhd, pengambilalihan FELDA House dan Grand FELDA House serta dakwaan penyelewengan dalam pembangunan Projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC).

Satu kertas siasatan lama yang masih belum ditutup dan kini dalam proses MLA membabitkan hartanah Park City Grand Plaza turut diteliti semula secara selari, menjadikan keseluruhan kes yang dikaji beroperasi di bawah tujuh kertas siasatan.

Sementara itu, sumber memaklumkan permohonan reman terhadap seorang lagi individu yang sedang menerima rawatan dipercayai mengalami masalah kesihatan akan dilakukan di hospital hari ini, (semalam). — Bernama

Penganggur dipenjara 4 bulan peras ugut wanita

MELAKA: Seorang penganggur dipenjara empat bulan selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Ayer Keroh di sini semalam, atas pertuduhan melakukan peras ugut, awal bulan ini.

Muhhamad Nazirul Jasmi, 33, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Uthman Abd Ghani.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan pemerasan sehingga mendatangkan ketakutan terhadap seorang wanita berusia 36 tahun dengan meminta RM200 untuk mendapatkan semula telefon bimbitnya di tepi Sungai Melaka, Kampung Morten di sini, kira-kira jam 7.15 malam, 1 September lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 385 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana dua daripada hukuman itu, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Syauqi Mardia Baharudin manakala tertuduh tidak diwakili peguam. — Bernama

Penjawat awam kerugian lebih RM150,000 selepas terperdaya 'love scam'

KUANTAN: Seorang penjawat awam wanita kerugian lebih RM150,000 selepas diperdaya lelaki warga asing yang dikenalinya melalui aplikasi sosial, antara April hingga Ogos lalu.

Ketua Polis Daerah Raub, Superintenden Mohd Shahril Abd Rahman berkata, mangsa berusia 30 tahun itu berkenalan dengan suspek yang mendakwa dirinya seorang pengurus projek dan bekerja di Turkiye melalui aplikasi sosial sejak April lalu.

Beliau berkata, suspek memperdaya mangsa supaya menyerahkan wang secara berperingkat dengan alasan akaun miliknya dibekukan pihak bank, selain memerlukan wang bagi meneruskan projek yang diuruskannya serta menampung perbelanjaan peribadi.

"Mangsa membuat 35 transaksi ke 10 akaun bank berbeza membabitkan jumlah keseluruhan RM151,967 antara 22 April hingga 26 Ogos menggunakan wang simpanan peribadi termasuk pinjaman bank bagi memenuhi permintaan suspek," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohd Shahril berkata, wanita itu menyedari dirinya diperdaya apabila suspek menyekat mesejnya di aplikasi sosial itu dan selepas mendapat nasihat daripada seorang rakan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Mohd Shahril turut menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah terperdaya dengan individu yang baharu dikenali menerusi laman sosial tanpa menyemak latar belakang mereka dengan teliti, terutama apabila dipujuk melakukan transaksi wang bagi tujuan tidak jelas. — Bernama

SAR digerakkan melalui darat, air dan udara dalam operasi mencari enam individu dikhuatiri hilang: Bomba

GERIK: Operasi mencari dan menyelamat (SAR) enam individu yang dikhuatiri hilang ketika menyertai pendakian di Gunung Trans Gerah, Lojing, Kelantan bermula semalam dengan pasukan penyelamat digerakkan melalui laluan darat, air dan udara.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak, Datuk Sayani Saidon berkata, pihaknya menerima maklumat mengenai kehilangan dua malim gunung dan empat ahli keluarga itu petang kelmarin sebelum perbincangan dengan Bahagian Operasi Ibu Pejabat JBPM dibuat bagi memulakan gerakan SAR pagi ini (semalam).

Beliau berkata, tiga bot di Jeti Trojan, Gerik digerakkan bagi membawa lapan anggota Pasukan Khas Operasi, Taktikal dan Penyelamat (STORM) serta lima malim bomba melalui laluan air menuju ke Pos Kemar.

"Sebanyak 12 Malim Gunung Perhutanan turut bergerak dari Sungai Siput menggunakan kenderaan pacuan empat roda ke Pos Kemar dan perjalanan itu dijangka mengambil masa kira-kira empat jam.

"Kesemua pasukan akan berkumpul di Pos Kemar yang akan dijadikan Pos Kawalan Hadapan," katanya ketika dihubungi mengenai perkembangan operasi SAR, kelmarin.

Sayani berkata, Pasukan Udara JBPM dari Pangkalan Udara Wilayah Utara JBPM Bertam pula dijadualkan bergerak dari Bertam pada jam 2 petang ini (semalam) untuk menjalankan tinjauan udara bermula dari lokasi terakhir enam individu berkenaan dilihat, iaitu pada 1 September lepas, sebelum menyusuri kawasan ke arah Pos Kemar.

BERTUGAS: Pengamal media berada di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Gerik bagi membuat liputan operasi mencari dan menyelamat (SAR) individu yang dikhuatiri hilang dalam ekspedisi pendakian rentas Gunung Gerah, Bilah dan Bieh (Trans GBB), semalam. — Gambar Bernama

"Tinjauan udara ini penting untuk kami mendapatkan gambaran awal mengenai kawasan pencarian, termasuk mengenal pasti laluan yang boleh digunakan oleh pasukan di darat," katanya.

Beliau berkata, unit anjing pengesan (K9) JBPM yang tiba pagi semalam turut berada dalam keadaan siap siaga, namun belum dikerahkan sementara menunggu perancangan operasi dimuktamadkan.

"Mesyuarat penyelarasan antara agensi masih berlangsung di Ibu Pejabat Polis Daerah Gerik bagi menentukan perancangan serta gerakan SAR di lapangan," katanya.

Operasi itu turut melibatkan Polis Diraja Malaysia, Jabatan Perhutanan, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Pasukan Gerakan Am, JBPM dan Malim Gunung Perhutanan.

Kelmarin, Penolong Pengarah Operasi JBPM Perak Sabarodzi Nor Ahmad berkata pihaknya menerima maklumat kejadian itu pada jam 6.31 petang sebelum penyelarasan dibuat bersama agensi kerajaan lain bagi tindakan selanjutnya.

Enam individu termasuk empat sekeluarga dan dua malim gunung dikhuatiri hilang selepas memulakan pendakian pada 29 Ogos lalu.

Laporan berkaitan kehilangan itu diterima daripada ahli keluarga kelmarin selepas mereka gagal keluar dari hutan mengikut tarikh dijadualkan pada 3 September. — Bernama

INFANTINO

Infantino sahkan tanding pilihan raya presiden FIFA

PARIS: Gianni Infantino akan bertanding dalam pilihan raya presiden FIFA pada bulan Mac depan, meskipun kecaman berhubung rancangannya yang kini telah dibatalkan untuk membawa pelaburan swasta ke dalam Piala Dunia, umum badan induk bola sepak global itu pada Ahad.

"Presiden FIFA mengumumkan pada April bahawa beliau akan bertanding untuk pemilihan semula pada 2027," kata jurucakap FIFA. "Sudah tentu, tiada apa yang berubah. Encik Infantino akan bertanding untuk pemilihan semula."

Lelaki berusia 56 tahun dari Switzerland itu telah menerima pelbagai kecaman sejak pengumuman pada lewat Julai mengenai rancangan FIFA Forward Enterprise (FFE) beliau yang berjangka pendek untuk membawa pelaburan swasta ke dalam acara FIFA.

Tetapi kini buat pertama kalinya sejak rancangan itu menjadi umum, FIFA telah mengesahkan semula niat Infantino untuk bertanding bagi penggal keempat dan terakhir dalam pilihan raya tahun depan.

Sekiranya beliau dipilih semula, beliau akan terus berkhidmat sebagai ketua bola sepak dunia sehingga 2031.

Infantino berada di Poland untuk kejohanan Piala Dunia Wanita Bawah-20, tetapi enggan menjawab pertanyaan tentang masa depannya apabila disoal oleh wartawan pada Sabtu.

Badan Eropah UEFA telah menuduh Infantino melakukan "salah urus jenayah" berhubung rancangan itu dan merupakan dalang di sebalik penentangan awal terhadap pengumuman tersebut, termasuk mengancam untuk memboikot semua kejohanan FIFA, termasuk Piala Dunia lelaki dan wanita, jika ia tidak dibatalkan.

Tetapi beliau juga mendapat sokongan kukuh daripada badan Amerika Utara CONCACAF dan Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC).

Presiden CONCACAF Victor Montagliani dianggap secara meluas sebagai pencabar paling berpotensi kepada Infantino -- ketua UEFA Aleksander Ceferin telah mengetepikan dirinya.

Montagliani, naib presiden FIFA, sudah lama dianggap sebagai sekutu rapat Infantino, tetapi terdapat tanda-tanda, bahkan sebelum beliau menjauhkan diri berhubung rancangan yang kini telah dibatalkan untuk membenarkan pelaburan swasta ke dalam Piala Dunia, bahawa beliau melihat tujuan FIFA agak berbeza daripada warga Switzerland itu.

Walau bagaimanapun, Infantino tidak ketandusan rakan -- tuan rumah Piala Dunia 2034 Arab Saudi memberikan sokongan pada bulan lalu, dengan badan pentadbir bola sepak Afrika CAF dan CONMEBOL dari Amerika Selatan turut memberikan sokongan.

Sebagai satu-satunya calon yang diisytiharkan setakat ini untuk pilihan raya yang dijadualkan berlangsung pada bulan Mac 2027, Infantino memerlukan majoriti undi mudah daripada 211 persekutuan yang berafiliasi dengan FIFA untuk melanjutkan tempoh jawatannya, yang bermula pada 2016 dan diperbaharui pada 2023.

Pencalonan calon untuk pilihan raya tahun depan mesti dikemukakan menjelang 18 November. — AFP

Barca kekal momentum, terus dominasi

Juara bertahan itu membelasah Valencia 5-0 dalam aksi La Liga, Yamal ledak dua gol

BARCELONA: Lamine Yamal meledak dua gol untuk Barcelona ketika mereka membelasah Valencia 5-0 pada Ahad untuk mengekalkan permulaan 100 peratus di La Liga.

Juara bertahan itu berada dua mata di puncak La Liga Sepanyol, selepas Real Madrid kendalian Jose Mourinho tumpas 1-0 di Real Betis pada Jumaat.

Alaves yang belum tewas melonjak ke tangga kedua dengan kemenangan besar 5-2 ke atas Osasuna.

Selain Yamal, Fermin Lopez, Raphinha dan Pedri turut mencatatkan nama sebagai penjaring buat skuad hebat Barca kendalian Hansi Flick pada petang yang panas di pantai timur Sepanyol.

Yamal tidak menyertai sesi latihan pasukan pada Sabtu selepas mengalami kecederaan ringan, tetapi tidak menunjukkan sebarang kesannya semasa persembahan memukau menentang skuad bimbingan Carlos Corberan.

Barcelona, satu-satunya pasukan di divisyen teratas yang memenangi empat perlawanan pertama mereka, mengawal permainan sejak awal sehingga mengecewakan penyokong Valencia di Stadium Mestalla yang penuh ketegangan. Los Che berada di tangga tercorot dan masih belum menang musim ini.

"Kami bermain perlawanan yang hebat, ia hampir sempurna, kami mengawal, kami dominan dan inilah yang saya mahukan daripada pasukan," kata Flick.

"Kami kekal tenang dan kemudian jika ada peluang untuk menjaringkan gol kami cuba melakukannya, ia perlawanan yang hebat untuk kami.

"Tiada apa yang sempurna, kita sentiasa boleh bertambah baik. Jika ia sempurna maka kita boleh berhenti bekerja."

Yamal membuka tirai jaringan menerusi penyelesaian lambungan bijak pada minit keenam selepas Lopez melayangkan hantaran hebat melepasi barisan pertahanan untuk bintang remaja itu.

Pemain berusia 19 tahun itu merembat masuk di tiang dekat untuk apa yang difikirkannya sebagai gol kedua Barca, tetapi gol itu dibatalkan kerana ofsaid tipis selepas semakan VAR.

Lopez menjaringkan gol kedua dengan penyelesaian kemas pada minit ke-22 selepas bekas pemain sayap Newcastle, Anthony Gordon, menyediakan umpanan untuknya.

Barcelona menerima tamparan apabila Eric Garcia terpaksa dikeluarkan akibat kecederaan pada pertengahan separuh masa pertama susulan perlanggaran dengan bahu rakan sepasukan, Rodri, dalam penampilan kesebelasan utama pertama pemain tengah itu sejak tiba musim panas ini dari Manchester City.

Rembatan Yamal tersasar tipis dan percubaan Lopez terkena tiang ketika skuad kendalian Flick terus mendominasi. Penjaga gol Barca, Joan Garcia, melakukan penyelamatan bijak untuk menafikan percubaan Arnaut Danjuma di tiang dekat sebelum rehat.

Raphinha, yang sekali lagi beraksi di posisi penyerang tengah pasukan, menolak masuk gol keenamnya musim ini dari jarak dekat selepas menerima hantaran Lopez.

Penjaga gol Valencia, Stole Dimitrievski, menafikan percubaan Rodri sebelum Pedri menjaringkan gol keempat Barcelona selepas bertukar hantaran dengan Dani Olmo.

Pemain baharu, Gabriel Jesus, masuk membuat penampilan sulung bersama Barca sebagai pemain pengganti dalam tempoh 10 minit terakhir dan rembatannya tersasar tipis.

Yamal berada pada kedudukan tepat untuk menerima satu lagi hantaran Olmo dan menyempurnakan gol kelima Barca, sekali gus melengkapkan petang buat pemenang Piala Dunia itu dan gergasi Catalan berkenaan. — AFP

CEKAP: Penjaga gol Valencia Stole Dimitrievski menampan keluar bola pada perlawanan La Liga Sepanyol di antara Valencia dan Barcelona di Stadium Mestalla di Valencia, kelmarin. — Gambar AFP

KONGSI KEGEMBIRAAN: Yamal (kiri) meraikan gol bersama Lopez pada perlawanan La Liga Sepanyol di antara Valencia dan Barcelona di Stadium Mestalla di Valencia, kelmarin. — Gambar AFP

> "Kami bermain perlawanan yang hebat, ia hampir sempurna, kami mengawal, kami dominan dan inilah yang saya mahukan daripada pasukan."
>
> **Hansi Flick**
> *Jurulatih Barcelona*

AKSI TUMPUAN: Sebahagian daripada aksi perlawanan Bundesliga Jerman di antara Eintracht Frankfurt dan Augsburg di Frankfurt, kelmarin. — Gambar AFP

Augsburg atasi Frankfurt 4-1 dalam aksi Bundesliga Jerman

BERLIN: Kelab kecil Bavaria, Augsburg bangkit dari ketinggalan satu gol untuk mencatat kemenangan 4-1 ke atas Eintracht Frankfurt dalam saingan Bundesliga pada Ahad, manakala Mainz yang mendominasi perlawanan membenam Hamburg dengan lima gol.

Kemenangan Augsburg meletakkan mereka di carta teratas Bundesliga selepas dua perlawanan, kali pertama kelab itu, yang layak ke divisyen utama pada 2011, pernah menduduki tangga pertama selepas tamat sesuatu pusingan.

Keputusan seri tanpa jaringan yang mengejutkan buat Bayern Munich menentang Schalke pada Sabtu bermakna rekod 67 perlawanan berturut-turut mereka di puncak carta Bundesliga terhenti selepas lebih dua tahun.

"Sebagai manusia, kita hidup untuk saat-saat seperti ini," kata pengendali Augsburg, Manuel Baum yang ceria kepada pemberita.

"Apabila kita bertemu semula dalam beberapa tahun lagi, kita akan bercerita tentang bagaimana kita adalah individu yang meletakkan Augsburg di puncak carta. Itulah sesuatu yang patut dinikmati untuk sehari.

"Saya bahkan mengambil tangkapan layar kedudukan carta itu."

Augsburg menang hasil jaringan daripada Arijon Ibrahimovic, Robin Fellhauer, Alexis Claude Maurice dan Fabian Rieder selepas Jonathan Burkardt membuka jaringan untuk pasukan tuan rumah.

Terdahulu pada Ahad, Mainz selesa mencatat kemenangan 5-0 di tempat lawan menentang Hamburg, dengan Phillip Tietz meledak dua gol manakala Sheraldo Becker, Phillipp Mwene dan Ransford Koenigsdoerffer turut mencetak nama sebagai penjaring untuk pelawat. — AFP

Grand Prix Itali Monza dihentikan ekoran Leclerc tergelincir dari litar

MONZA: Grand Prix Itali di Monza telah dihentikan selepas hanya dua pusingan pada Ahad selepas Charles Leclerc dari Ferrari tergelincir dari litar dan merempuh penghadang.

Pelumba Monaco itu, yang pernah dua kali menjuarai di Monza, hilang kawalan ketika keluar dari selekoh parabolica pada penghujung pusingan kedua, lalu keretanya terus meluncur ke kawasan kerikil sebelum terpelanting ke sisi dan menghentam penghadang dengan kuat.

Leclerc keluar dari kereta tersebut, kelihatan tersentak tetapi tidak mengalami kecederaan lain.

Perlumbaan telah diibaratkan bendera merah dengan George Russell dari Mercedes mendahului, selepas memotong pemegang petak utama Pierre Gasly dari Alpine.

Max Verstappen dari Red Bull berada di tempat ketiga di hadapan Franco Colapinto dalam sebuah lagi kereta Alpine.

Lewis Hamilton, yang memulakan perlumbaan di tempat keempat, hilang kedudukan apabila beliau terpaksa keluar dari litar oleh rakan sepasukan Leclerc di selekoh pertama, dan berada di tempat kelapan.

Pendahulu kejuaraan Kimi Antonelli bermula di petak paling belakang selepas melebihi jumlah pertukaran unit kuasa yang dibenarkan tetapi sudah pun naik ke tangga ke-12 dalam jentera Mercedesnya menjelang masa perlumbaan digantung.

Perlumbaan akan bersambung sebaik sahaja penghadang tayar selesai dibaiki. — AFP

Alcaraz mara ke suku akhir Terbuka AS

NEW YORK: Juara bertahan Carlos Alcaraz, yang semakin mendapat keyakinan dalam setiap perlawanan, mara dengan selesa ke suku akhir Terbuka AS pada Ahad menerusi kemenangan menyeluruh ke atas Tommy Paul.

Pemain pilihan kedua dari Sepanyol itu, yang beraksi dalam kejohanan pertamanya selepas berehat selama empat bulan akibat kecederaan pergelangan tangan kanan, menewaskan Paul 6-4, 6-3, 6-4 untuk mara ke suku akhir kelima di Flushing Meadows -- tempat beliau merangkul gelaran Grand Slam sulung daripada tujuh gelaran miliknya pada tahun 2022.

"Saya amat berpuas hati melihat tahap permainan saya sekarang," kata Alcaraz. "Menewaskan Tommy Paul sentiasa menjadi penanda aras yang baik untuk melihat kedudukan anda, dan (saya) benar-benar gembira dengan segala yang telah saya lakukan hari ini.

"Saya rasa saya melakukan pukulan kilas (return) dengan agak baik. Saya melihat corak permainan hari ini dengan sangat jelas, apa yang perlu saya lakukan pada setiap detik, menggunakan strategi yang tepat pada setiap masa. Jadi saya benar-benar gembira."

Pemain berusia 23 tahun itu, yang merangkul gelaran Grand Slam ketujuh di Terbuka Australia pada Januari lalu, pernah mengakui sedikit bimbang apabila memilih untuk kembali daripada kecederaan pada kejohanan Grand Slam terakhir tahun ini.

Selepas melakar kemenangan ke atas Roman Safiullin, Jaime Faria dan Wu Yibing, Alcaraz mengakui terdapat sedikit kepincangan -- beberapa kesilapan pukulan kilas (forehand) yang melebihi jangkaannya serta keputusan yang meragukan di gelanggang.

Namun, beliau mempamerkan prestasi terbaik menentang Paul, lawan kelompok 25 terbaik pertama beliau dalam kejohanan ini.

Alcaraz kini telah memenangi tujuh daripada sembilan pertemuan menentang pemain Amerika Syarikat itu, dan beliau mendominasi perlawanan pada Ahad, melancarkan 33 pukulan mati (winners) dari pelbagai sudut ketika bergerak lancar di gelanggang, sambil mengubah kedudukan pukulan kilasnya untuk memastikan Paul terus tertekan.

Alcaraz akhirnya mendahului dengan memecah servis (break) pertama perlawanan pada game terakhir set pertama yang sengit.

Bermula dari situ, perlawanan dikuasai sepenuhnya oleh Alcaraz. Beliau memecah servis Paul sebanyak dua kali pada set kedua dan sekali lagi pada permulaan set ketiga.

Beliau menamatkan perlawanan dengan bergaya apabila menyelamatkan dua mata break pada game terakhir, yang kedua menerusi pukulan voli forehand disusuli pukulan mati forehand untuk melengkapkan satu-satunya mata perlawanan yang diperlukan.

Paul pastinya tidak melihat banyak kelemahan dalam corak permainan pemain Sepanyol itu.

"Dia masih memukul forehand dengan kuat dan tepat," kata Paul. "Saya rasa dia mungkin lebih kerap mengubah variasi pada pukulan penerimaan servis.

"Saya rasa sebelum perlawanan saya melihat kelajuan servis pertamanya mungkin sedikit menurun berbanding sebelum dia berehat, tetapi saya fikir dia menebusnya dengan pukulan pertama selepas servis."

Keadaan itu masih belum sempurna, kata Alcaraz.

"Saya perlu tegas dengan diri sendiri, menyatakan sekali lagi bahawa servis boleh menjadi lebih baik," katanya. "Tetapi saya gembira, dan saya pasti akan menikmati saat ini." — AFP

SMJ 2.0 cerminan fasa baharu pentadbiran Hajiji: Aksyah

Perkembangan Lebuhraya Pan Borneo Sabah (Fasa 1A) jadi bukti

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Pelaksanaan Sabah Maju Jaya (SMJ) 2.0 di bawah kepimpinan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor, disifatkan memasuki fasa baharu dengan perkembangan positif dalam pembangunan infrastruktur, peningkatan hasil negeri dan usaha memperkukuh hak ekonomi Sabah.

Aktivis politik, Aksyah Haji Nasrah berkata, perkembangan berkenaan menunjukkan pentadbiran Gabungan Rakyat Sabah (GRS)-Perpaduan sedang mengorak langkah membina masa depan negeri, sekali gus menepis dakwaan pembangkang yang melabel kerajaan negeri sebagai 'kerajaan gagal'.

Katanya, perkembangan fizikal projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah (Fasa 1A) menjadi antara bukti yang boleh dilihat, khususnya selepas projek berkenaan sebelum ini berdepan kelewatan.

"Kita kini telah masuk ke Suku Ketiga 2026, namun saya berasa hairan melihat gelagat dan cara berpolitik pembangkang yang semakin ketandusan modal idea," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, menerusi ketegasan Hajiji, sembilan pakej kerja utama termasuk WP3, WP4, WP10 dan WP29 dijadualkan siap sepenuhnya serta memperoleh Perakuan Siap Sebahagian (CPC) tahun ini.

Menurutnya, pembukaan rasmi laluan empat lorong antara Bongawan Flyover dan Benoni Flyover pada Jun lalu, selain sasaran pembukaan jajaran Putatan Flyover hingga Sepanggar Interchange menjelang Oktober 2026, turut menunjukkan usaha memperkukuh jaringan perhubungan rakyat.

Dalam pada itu, Aksyah berkata, peningkatan hasil negeri yang kini berada pada paras RM7 bilion secara konsisten dengan sasaran kutipan RM8 bilion memperlihatkan pengukuhan kedudukan fiskal Sabah.

"Keupayaan ini membolehkan Belanjawan Sabah 2026 yang mencecah RM12.02 bilion dilaksanakan, iaitu peruntukan terbesar dalam sejarah untuk membiayai 1,173 projek pembangunan inklusif," katanya.

Beliau turut menegaskan agenda 'Sabah First' yang

AKSYAH

diangkat GRS sebagai teras pentadbiran membuktikan kepentingan hak, khazanah dan hala tuju negeri perlu diputuskan berasaskan kepentingan Sabah.

Kataya, pendekatan politik pragmatik juga penting bagi memastikan kestabilan pentadbiran negeri dan mengelakkan kemelut politik yang boleh menjejaskan pembangunan.

"Walaupun meletakkan wadah tempatan sebagai paksi kuasa, landasan politik Hajiji amat pragmatik dan matang. Beliau menyedari kemakmuran Sabah tidak akan lahir daripada permusuhan politik yang ekstrem," katanya.

Aksyah berkata, usaha menuntut hak ekonomi Sabah turut memperlihatkan ketegasan kepimpinan Hajiji, khususnya menerusi diplomasi dan rundingan dengan Kerajaan Persekutuan.

"Antara perkembangan yang diketengahkan ialah peningkatan pembayaran interim khas Persekutuan daripada RM26 juta kepada RM1.5 bilion, penamatan kontrak konsesi air lama serta penguasaan 30 peratus pegangan dalam dua lapangan minyak dan gas baharu milik Sabah.

"Setakat Suku Ketiga 2026, perkembangan positif Sabah yang dicapai oleh dasar serta pelaksanaan tersusun di bawah kepimpinan Hajiji dan panglima-panglimanya adalah suatu yang amat kontradik dengan naratif pembangkang," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, rakyat Sabah tidak seharusnya terus terpengaruh dengan retorik politik, sebaliknya menilai kepimpinan berdasarkan rekod serta hasil pembangunan yang dapat dilihat dan dirasai.

"Saya yakin, setiap batu asas yang telah ditinggalkan oleh Hajiji menguatkan lagi kepercayaan saya bahawa ini ialah Hajiji Versi Baharu," katanya.

PROGRAM KEBERSAMAAN: Gereja Seventh-day Adventist (SDA) melancarkan Program Global OneVoice27: Mission for All yang berlangsung serentak di seluruh negara baru-baru ini. Di Gereja SDA Toboh Baru, Keningau, pelancaran itu diraikan dalam suasana penuh kebersamaan bersama anggota gereja daripada pelbagai peringkat umur. Turut hadir Pengarah Communication, Voice of Prophecy (VOP), Spirit of Prophecy/Writings (SWT) dan Health Ministries (HM) SDA Mission Sabah, Pastor Erick Roy Paul Gitang.

Majlis makan malam meraikan warga emas, 12 September

KENINGAU: Satu Majlis Makan Malam Penghormatan Warga Emas Sempena Pertengahan Musim Luruh 2026 akan dianjurkan Persatuan Hakka Keningau pada 12 September ini.

Majlis berkenaan turut digabungkan dengan Pemilihan Pertandingan Nyanyian Bahasa Cina Ke-34 serta Pemilihan Pertandingan Lagu Pop Hakka Ke-13.

Ia akan berlangsung di Dewan SJK(C) Yuk Kong, Batu 27, Keningau, mulai jam 6 petang.

Bagi memastikan kelan-

AKSYAH

caran program tersebut, jawatankuasa penganjur telah mengadakan kunjungan mesra bagi menyampaikan surat jemputan rasmi kepada barisan pemimpin kehormat, termasuk Prof. Datuk Yap Yun Fook selaku Tetamu Kehormat, Presiden Kehormat Seumur Hidup Liew Ket Lim, serta Penasihat Kehormat Seumur Hidup iaitu Datuk Liew Kuat Kiong, Tham Vui Pin dan Lo Yin Kong.

Presiden Persatuan Hakka Keningau, Kapitan Anthony Chong Kong Ming, berkata sambutan tersebut menjadi wadah memperkukuh hubungan kekeluargaan serta usaha berterusan mempertahankan budaya tradisi masyarakat Hakka.

LaRIS bawa kajian dan inovasi lokal ke global

LABUAN: Persatuan Penyelidikan, Inovasi, dan Kreativiti Labuan (LaRIS) telah menganjurkan seminar dan pameran peringkat antarabangsa yang ke-11 di China pada 4 September lalu.

LaRIS 11th International Creativity and Innovation in Education for Language Teaching & STEM Seminar & Showcase telah berlangsung pada 4 September 2026 di Holiday Inn Express, Kunming Railway Station, Kunming, Yunnan, China.

Seramai 29 peserta menyertai rombongan sambil belajar merentasi Kunming, Dali dan Lijiang pada 29 Ogos hingga 5 September lalu.

Pengerusi LaRIS, Dr. Hyginus Lester Junior Lee berkata, 51 peserta telah mendaftar sebagai pembentang dalam talian manakala 13 lagi mendaftar sebagai pembentang bersemuka dan 12 orang sebagai peserta seminar di Yunnan.

Pembentang fitur dalam talian ialah Profesor Madya Dr. Nurulanningsih dari Universitas Tridinanti, Palembang, Indonesia. Beliau berkongsi tentang penggunaan istilah yang digunakan oleh netizen dalam media sosial bertajuk, "Pergeseran Makna Dalam Komentar Di Akun Tiktok".

Pembentang fitur dalam talian Filipina, Joseph P. Nacionales dari Eastern Visayas State University pula membincangkan motivasi guru praperkhidmatan dengan tajuk "(De)Motivation of Pre-Service Teachers in Times of Crisis".

Program juga merekodkan penilai paling banyak iaitu 14 peserta dari dalam dan luar negara, termasuk Marge Joseph C. Sardo dari Tokyo Metropolitan Board of Education, Jepun dan Esther Koh dari Te Kura o Matarangi Northcote School, New Zealand.

Bagi kategori pembentangan dalam talian, Noor Hasimah Mohd Ayub dan Anatasia Ah Kian dari SMK Mutiara, WP Labuan dinobatkan sebagai pemenang utama pilihan hakim Diamond Prize bagi kategori amalan baik pengajaran dengan tajuk "IBET Strategy Framework: From Zero Ideas to Meaningful Writing".

Pencapaian emas pula dirangkul oleh Sylvianie William dan Noor Hasimah Mohd Ayub dari SMK Mutiara, Labuan untuk tajuk "The Time Bomb Strategy".

Turut memenangi emas ialah Noorhassanah @ Bolkiah Noor Mohamed, Siti Haslinda Abdul Latif, dan Lai Mui Kyun @ Josephine Lai (SK Unggun, Sabah), Dg Kharlinah Mohammed (SMK Rancha-Rancha, Labuan), Dewi Salam (SMK Lajau, Labuan), Zul Hafiezy Zulkifly (SMK Lajau, Labuan), Adeline Leong Suk Yee (IPG Kent, Sabah), Khairul Azwani Ahinin (SK Darau, Sabah).

Pencapaian emas untuk pembentangan bersemuka di China pula dianugerahkan kepada Fatin Nurulizyan Mohd Yakof (SM Sains Labuan), Michele Edmund (SJKC Chung Hwa, Labuan), Rajeswari Perumal (IPG Gaya, Sabah), Hyginus Lester (Jabatan Pendidikan WP Labuan), Nuridayu Shapi (SJKC Chung Hwa, Kota Kinabalu) dan Lusia Gampalid (SK Kota Marudu II, Sabah).

GLOBAL: Hyginus (tengah) bersama rombongan LaRIS ke Yunnan, China.

PCSM menganjur program kesedaran kanser prostat

KOTA KINABALU: Prostate Cancer Society Malaysia (PCSM) akan menganjurkan program kesedaran kanser prostat pada 19 September ini sebagai usaha meningkatkan kesedaran masyarakat, khususnya golongan lelaki, mengenai kepentingan pengesanan awal penyakit berkenaan.

Program yang akan berlangsung di Ujana Tropika Rimba Park dan Por Kee Restaurant, Taman Fortuna itu dianjurkan dengan kerjasama Gleneagles, Rotary Club of Kota Kinabalu (RCKK) serta Queen Elizabeth Hospital 1 (QEH1).

Bulan Kesedaran Kanser Prostat yang disambut setiap September adalah bagi meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai penyakit berkenaan.

Peserta dijadual mula tiba pada 5.30 pagi sebelum taklimat ringkas diberikan pada 6 pagi, diikuti aktiviti berjalan kaki mengelilingi taman pada 6.15 pagi dengan memakai baju-T PCSM.

Pada 7.15 pagi, acara diteruskan dengan ucapan pembukaan oleh Pengerusi PCSM dan Ketua Pegawai Operasi (COO) Gleneagles, sebelum sesi simbolik memegang sepanduk PCSM dan bergambar berkumpulan pada 7.35 pagi.

Persembahan tarian oleh Rimba Tropika Line Dance Group pada 7.45 pagi turut memeriahkan program sebelum sesi ceramah kesihatan lelaki bermula pada 8 pagi.

Wakil Gleneagles, akan menyampaikan ceramah bertajuk 'Kanser Prostat: Pengesanan Awal Menyelamatkan Nyawa', manakala wakil dari QEH1 akan membincangkan topik '10 Mitos Mengenai Kanser Prostat'.

Acara kemudian diteruskan di Por Kee Restaurant, Taman Fortuna, bermula 9.45 pagi dengan sesi ramah mesra dan jamuan sarapan pagi dan tengah hari yang turut diserikan dengan sambutan perayaan kuih bulan.

Pada 10.30 pagi, Presiden RCKK dijadual menyampaikan ucapan sebelum sesi pertemuan kumpulan sokongan PCSM dipengerusikan Pengerusi PCSM.

Program yang dijadual berakhir pada 12.30 tengah hari itu diharap dapat meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai kanser prostat, selain menggalakkan lebih ramai lelaki mendapatkan pemeriksaan serta mengambil langkah pengesanan awal bagi membolehkan rawatan diberikan dengan lebih berkesan.

Hari Malaysia 2026 tonjol keunikan budaya menerusi gabungan artis, persembahan pelbagai etnik

KUALA LUMPUR: Sambutan Hari Malaysia 2026 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK), Sarawak pada 16 Sept ini bakal menonjolkan keunikan budaya menerusi gabungan artis dan persembahan pelbagai etnik dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan Kementerian Komunikasi Harun Ali berkata sambutan yang bertemakan "Malaysia MADANI: Kesejahteraan Dinikmati" itu dijangka dihadiri kira-kira 5,000 jemputan termasuk wakil komuniti tempatan.

Beliau berkata penglibatan artis ternama seperti Faizal Tahir dari Semenanjung, Dayang Nurfaizah mewakili Sarawak dan Stacy Anam bagi Sabah, melambangkan penyatuan serta perpaduan tiga wilayah utama yang membentuk Malaysia.

"Di samping majlis utama di BCCK, pelbagai program sisipan turut diadakan di sekitar Kuching bagi memberi peluang kepada orang ramai menyemarakkan lagi semangat Hari Malaysia.

"Antaranya pameran sejarah pembentukan Malaysia di Plaza Merdeka, Kuching serta pameran mini di semua bahagian di Sarawak untuk akses orang awam yang bermula pada 10 Sept," katanya ketika menjadi tetamu program Selamat Pagi Malaysia terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM), semalam.

Harun berkata pemilihan Sarawak sebagai tuan rumah tahun ini adalah berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 2020 yang menetapkan penganjuran Hari Malaysia digilirkan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Beliau berkata majlis kemuncak sambutan yang bermula pada 8.30 malam itu akan disiarkan secara langsung menerusi saluran RTM dan pelbagai platform media sosial rasmi dan maklumat lanjut yang boleh diakses menerusi portal rasmi Merdeka360 bagi memudahkan masyarakat mengetahui mengenai tentatif dan lokasi program.

Harun berkata bersempena dengan sambutan, majlis doa selamat akan diadakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak pada 15 Sept ini bagi memperingati pengorbanan dan usaha pemimpin terdahulu dalam menyatukan wilayah menjadi Malaysia.

Beliau berkata selain itu, Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2026 turut menganjurkan pameran Hari Malaysia di Semenanjung melibatkan beberapa lokasi termasuk di Menara Komunikasi dan pusat beli belah IOI City Mall, Putrajaya bagi memberikan peluang kepada orang ramai lebih memahami sejarah pembentukan Malaysia.

"Kita juga menjemput warga muda yang ada TikTok dan sebagainya untuk sama-sama membuat penstriman langsung dengan kandungan positif berkaitan semangat Hari Malaysia dan kita jemput semua untuk sama-sama berkongsi kemeriahan itu," katanya. — Bernama

JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN
PERDAGANGAN
PERTANYAAN
MELANGGAN

Looking For Joint Venture Land:
- Housing/shoplots development
Location: Penampang, Inanam, Telipok, Tuaran
Tel : 010 - 282 2219
2869100(KK)LTT

NOTIS PERMOHONAN UNTUK PENGGULUNGAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD SECARA SUKARELA

(Seksyen 50(4)(a) Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012)

Dengan ini notis adalah diberikan bahawa Prosper Track PLT, 202204001813 akan membuat permohonan kepada Pendaftar Perkongsian Liabiliti Terhad untuk suatu perisytiharan pembubaran menurut seksyen 50(2) Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dalam tempoh tujuh (7) hari selepas notis ini disiarkan. Mana-mana pekongsi atau pemiutang PLT tersebut yang ingin membuat bantahan terhadap permohonan ini boleh membuat bantahan bertulis kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh notis ini.
2862640LBN(LPL)

NOTIS AWAM: :
CADANGAN MENGALIHKAN KUBUR ISLAM DI SEMPORNA

Adalah dimaklumkan bahawa **MATHIUS BIN ALLAI @ MAZLAN ABDULLAH (IC No: H0692391)** selaku pemilik tanah Hak Milik No : **NT 123044717** di **PULAU ADAL, SEMPORNA, SABAH,** akan melaksanakan projek pembangunan di tapak tersebut.

Terdapat 30 buah kubur Islam persendirian lama di dalam lot berkenaan yang perlu dialihkan demi keselamatan awam. Proses pengalihan akan dilaksanakan dengan kerjasama JHEAINS Semporna dan Majlis Daerah Semporna (MDS) mengikut hukum syarak.

Waris atau mana-mana pihak yang mempunyai pertalian dengan jenazah di tapak tersebut diminta menghubungi syarikat kami dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis ini untuk urusan pengesahan.

Sekiranya tiada tuntutan dalam tempoh tersebut, proses pengalihan jasad ke Tanah Perkuburan Islam Awam akan diteruskan tanpa sebarang rundingan lanjut.

Sila Hubungi:

(1) **Mathius Bin Alai**
Tel: 013-8909680
Emel: mathiusalai@gmail.com

(2) **Ricky Cheng**
Tel: 013-8867286

TARIKH: 8 September 2026
54705XW2NY

PBLT SDN. BHD.
200501022368 (704498-D)
(Sebuah Syarikat Milik Menteri Kewangan Diperbadankan)

NOTIS TENDER

CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) NABAWAN DAN PERUMAHAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT PT20-23151328 DI MUKIM NABAWAN, SABAH
FASA 2: KERJA BANGUNAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN

Untuk butiran lanjut berkenaan Notis Tender di atas sila layari laman sesawang PBLT Sdn. Bhd. di **www.pblt.com.my**

Dalam Mahkamah TINGGI Syariah di Sandakan Di Negeri Sabah

Permohonan No : 2608-H0412-311-0163

Pemohon : HERDA BINTI NAHARI No. KP : 790109-12-5210

Dalam Perkara : Harta Pusaka Simati : MOHD AZHAR BIN ABD LADIS No. Kad Pengenalan / Sijil Kematian : 761001-12-5443 / SB284073

AMBIL PERHATIAN bahawa HERDA BINTI NAHARI No. KP : 790109-12-5210 akan memohon ke Mahkamah Tinggi Syariah di Sandakan pada hari ISNIN bertarikh 14 haribulan 09 tahun 2026 jam 09:00 pagi untuk pembahagian harta simati:-

1. Sebuah rumah jenis teres di Lot No 17848, Taman Mawar Fasa Sendang 56 Jln Utara Sandakan.
2. Sebuah kenderaan jenis Perodua Myvi 1500 SE (Auto)
3. Sejumlah simpanan wang di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.
4. Sejumlah simpanan wang di Perkeso Pencen Ilat.

Sesiapa berhajat menentang permohonan, hendaklah memfailkan Notis Bantahan dan Afidavit Bantahan di Mahkamah ini dan menyampaikan salinan kepada pemohon sebelum tarikh tersebut atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Pada 02 haribulan 09 tahun 2026

TIMBALAN PENDAFTAR
Mahkamah TINGGI Syariah Sandakan

Notis difailkan oleh : HERDA BINTI NAHARI
Alamat penyampaian : LOT 17848 BLOK 161 SENDANG 5 TAMAN MAWAR 90000 SANDAKAN SABAH
2309(KSHMSK)

NEGERI SABAH, MALAYSIA
DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH DI BEAUFORT
PERMOHONAN NO: **2607-L0712-311-0599**

DALAM PERKARA: HARTA PUSAKA SIMATI: **HASNAH BINTI JAMAL**
No. K/P Simati: **870504495182**
No. Sijil Kematian: **SB276743**

NOTIS PENYAMPAIAN GANTI MENURUT PERINTAH MAHKAMAH

Kepada,
SEMUA AHLI WARIS SIMATI DAN SESIAPA YANG BERKENAAN

AMBIL PERHATIAN BAHAWA TASBIH BIN AHMAD telah memohon kepada Mahkamah ini pada pukul **10.30 Pagi** pada **02** haribulan **September** tahun **2026**, untuk membahagi Harta Pusaka Simati **HASNAH BINTI JAMAL** atas alasan dan cara pembahagian yang terkandung dalam Afidavit Bagi Permohonan Membahagi Harta Pusaka oleh **TASBIH BIN AHMAD**

Harta Yang Dituntut:
AKAUN SIMPANAN DI BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD

AMBIL PERHATIAN JUGA, jika kamu berhajat menentang permohonan, atau jika kamu mempunyai kepentingan keatas harta-harta Simati, kamu atau Peguam Syarie kamu bolehlah membuat semakan di Mahkamah ini mengenai fakta-fakta permohonan yang tersebut dan selepas ini hendaklah memfailkan di Mahkamaha ini dan menyampaikan satu salinan kepada pemohon Notis Bantahan dan Afidavit dalam tempoh **14 hari** sebelum tarikh perintah dikeluarkan pada **17HB. SEPTEMBER, 2026** oleh Mahkamah ini.

Pada: **07** haribulan **09** tahun **2026**

PENOLONG PENDAFTAR
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PEDALAMAN BAWAH
BEAUFORT

Notis Permohonan Membahagi Harta Pusaka ini difailkan oleh **TASBIH BIN AHMAD** dan alamat penyampaiannya ialah di **KAMPUNG MESAPOL LAMA, 89850 SIPITANG, SABAH.**
287401(KK)OHH

NEGERI SABAH, MALAYSIA
DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH LAHAD DATU
DI LAHAD DATU

DALAM PERKARA: PERMOHONAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA SI MATI RASID BIN TAJUID

PERMOHONAN NO. **2608-L1212-311-0949**

PENYAMPAIAN GANTI MENURUT PERINTAH MAHKAMAH

KEPADA:
AHLI WARIS SIMATI DAN SESIAPA YANG BERKENAAN

AMBIL PERHATIAN bahawa **NORMINAH BINTI ZAKARIAH** akan memohon ke Mahkamah Rendah Syariah, di **LAHAD DATU** pada **05HB OKTOBER 2026** jam **09.00 PAGI**, untuk pembahagian harta **Simati RASID BIN TAJUID**.

Sesiapa berhajat menentang permohonan ini, hendaklah memfailkan Notis Bantahan dan Afidavit Bantahan di Mahkamah ini dan menyampaikan salinan kepada pemohon sebelum tarikh tersebut, atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Pada: **04/09/2026**

PENOLONG PENDAFTAR / HAKIM
Mahkamah Rendah Syariah Lahad Datu

Iklan difailkan oleh **NORMINAH BINTI ZAKARIAH** Alamat penyampaian **KG BANGINGOD TUNGKU, 91100 LAHAD DATU, SABAH.**
287461(KK)OHH

400 anak tuntung sungai dilepas ke habitat semula jadi

KUALA TERENGGANU: Sebanyak 400 ekor anak tuntung sungai dilepaskan ke habitat semula jadinya di Sungai Terengganu, Kuala Berang dekat Hulu Terengganu semalam dalam usaha memperkasa pemuliharaan spesies terancam, sekali gus memelihara khazanah biodiversiti negara.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) Datuk Seri Arthur Joseph Kurup berkata Program Pelepasan Tuntung anjuran Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia yang disempurnakannya itu adalah sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan untuk memulihkan populasi reptilia berkenaan di negara ini.

"Tuntung sungai adalah antara spesies hidupan liar unik yang memainkan peranan penting dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem akuatik.

"Ancaman terhadap habitat dan risiko kepupusan spesies ini perlu ditangani secara serius. Melalui inisiatif pembiakan, pemeliharaan dan pelepasan semula oleh Perhilitan, kami berhasrat meningkatkan pemulihan populasi tuntung di sepanjang lembangan sungai negara," katanya dalam hantaran di laman Facebooknya semalam.

Arthur berkata NRES sentiasa menyokong program konservasi berasaskan komuniti dan sains bagi memastikan kelangsungan spesies hidupan liar yang semakin terancam.

Beliau bagaimanapun berkata keberkesanan usaha konservasi seumpama itu tidak hanya bergantung kepada agensi kerajaan, sebaliknya memerlukan kerjasama dan sokongan berterusan masyarakat setempat dalam menjaga kebersihan serta keselamatan habitat sungai. — Bernama

KENANGAN: Zambry bergambar bersama bersama pelajar pada Majlis Serahan Surat Tajaan Yuran Pengajian Kepada Pelajar Cemerlang Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2025 dekat Putrajaya, semalam. — Gambar Bernama

27 pelajar terbaik STPM 2025 terima tajaan yuran pengajian Ijazah Sarjana Muda

PUTRAJAYA: Sebanyak 27 pelajar terbaik Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2025 daripada 18 universiti awam menerima tajaan dalam bentuk yuran pengajian bagi mengikuti pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Inisiatif itu dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) untuk memastikan kecemerlangan akademik diteruskan ke peringkat pendidikan tinggi, serta membuka ruang kepada bakat muda negara membina masa depan yang lebih baik.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata tajaan berkenaan diberikan sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang pelajar dalam peperiksaan STPM 2025, selain sebagai usaha kerajaan menyokong potensi mereka untuk terus berjaya dalam bidang masing-masing.

Beliau berkata tajaan itu meliputi pelbagai bidang pengajian termasuk bidang kritikal seperti perubatan, kejuruteraan dan pendidikan.

"Pada peringkat KPT, kita mengambil pelajar yang terbaik seluruh negara yang mempunyai kelayakan terbaik pada peringkat STPM dan memberikan biasiswa penuh kepada mereka, iaitu tuition free (tuisyen percuma).

"Ini melibatkan pelbagai bidang termasuk bidang kritikal seperti perubatan, kejuruteraan, pendidikan dan lain-lain lagi," katanya selepas majlis serahan surat tajaan yuran pengajian kepada pelajar STPM MPM di sini semalam.

Zambry berkata pengiktirafan itu turut diberikan tanpa mengira latar belakang kaum selaras dengan usaha kerajaan memastikan pelajar yang mencapai kecemerlangan akademik mendapat peluang untuk melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan.

"Saya dapat saksikan kegembiraan mereka dan juga dalam kalangan ibu bapa mereka. Saya rasa berbangga dengan kejayaan mereka yang melibatkan semua kaum dalam negara kita. Mereka yang mencapai kejayaan cemerlang ini kita berikan pengiktirafan dan mereka menyambung pelajaran mereka di universiti-universiti tempatan kita," katanya.

Beliau berkata tajaan itu diberikan kerana kerajaan percaya penerima mempunyai potensi untuk terus menyerlah dan menyumbang kepada pembangunan negara pada masa depan.

Dalam kenyataan berasingan, Pengerusi MPM yang juga Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris Profesor Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata tajaan yuran pengajian ialah satu bentuk kepercayaan terhadap potensi anak-anak muda yang cemerlang.

Beliau berkata tajaan itu bukan sekadar bantuan, tetapi sebagai pelaburan terhadap ilmu, bakat dan yang paling penting masa depan negara.

"MPM kekal komited memastikan STPM dilaksanakan dengan standard pentaksiran yang tinggi, berintegriti, dan diyakini.

"Selaras dengan landskap pendidikan global, MPM akan terus memperkukuh penyelidikan, psikometrik, inovasi pentaksiran, pendigitalan serta jaringan strategik antarabangsa bagi meningkatkan daya saing, kredibiliti dan kebolehbandingan STPM dalam ekosistem pendidikan tinggi global," katanya. — Bernama

Manfaatkan AI dan media sosial pelihara bahasa dan identiti orang asal

Dari Muka 1

Katanya, program anjuran persatuan etnik boleh diperkasakan dengan pengisian keusahawanan, termasuk menerusi penganjuran ekspo atau tamu kampung dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan Sabah (MINDET).

"Kita bukan hanya mahu mempertahankan serta memelihara sistem adat, identiti dan bahasa, tetapi pada masa sama mahu masyarakat kita maju dan menjadi usahawan," katanya.

Sementara itu, Presiden USTO, James Baga berkata, pihaknya sedang mengusahakan penerbitan kamus tiga bahasa, iaitu Tindal, Melayu dan Inggeris. Beliau berkata, kamus itu akan menjadi bahan rujukan kepada generasi muda supaya mereka dapat mempelajari dan mengenali bahasa ibunda sendiri.

"Saya percaya kamus ini akan menjadi rujukan anak-anak kita pada masa akan datang dan membantu memastikan bahasa Dusun Tindal tidak pupus ditelan zaman.

"Ini kerana terdapat kajian yang menjangkakan banyak bahasa etnik, khususnya di Sabah, mungkin semakin pupus dalam tempoh 50 tahun akan datang sekiranya tiada usaha berterusan untuk memeliharanya," katanya.

Menurutnya, kebimbangan itu semakin ketara apabila generasi muda kurang bertutur dalam bahasa ibunda dan lebih banyak menggunakan bahasa Melayu atau Inggeris, termasuk ketika berkomunikasi di rumah. James berkata, USTO turut mendokumentasikan adat istiadat masyarakat Tindal, termasuk adat perkahwinan, pertunangan dan amalan tradisi lain dalam bentuk buku untuk dijadikan rujukan.

"Ini antara usaha kita untuk memastikan bahasa, adat dan identiti masyarakat Tindal tidak hilang serta terus diwarisi oleh generasi akan datang," katanya.

KYS anjur seminar tinjauan saintifik dan hala tuju penyelidikan

KOTA KINABALU: Kumpulan Yayasan Sabah (KYS) menganjurkan Seminar Tinjauan Saintifik Kawasan Konservasi Pesisiran Pantai Silam (SCCA) dan Bengkel Hala Tuju Penyelidikan SCCA 2027-2036 di sini selama tiga hari, mulai hari ini.

Program dijangka disempurnakan oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Joniston Bangkuai dan dijangka dihadiri lebih 80 peserta terdiri daripada institusi penyelidikan, agensi kerajaan serta agensi bukan kerajaan (NGO).

Penganjuran seminar dan bengkel itu bertujuan memperkukuh usaha perlindungan serta pembangunan berasaskan kajian saintifik di SCCA dan kawasan sekitarnya.

Kawasan berkenaan kaya dengan kepelbagaian biodiversiti dan sumber semula jadi yang bernilai tinggi, di samping berpotensi besar dalam pembangunan ekopelancongan.

Sehubungandenganitu, Kumpulan Yayasan Sabah kekal komited untuk memastikan khazanah biodiversiti SCCA terus dipelihara dan dimanfaatkan secara lestari demi generasi akan datang.

Inisiatif perkukuh STEM mesti jadi usaha bersama: Chang

SHAH ALAM: Inisiatif memperkukuh pendidikan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) mesti menjadi usaha bersama-sama, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Chang Lih Kang.

Chang berkata bagi usaha tersebut, kerajaan, sekolah, universiti, industri dan komuniti perlu memastikan bakat muda bukan sahaja dikenal pasti, malah terus dibimbing serta diberikan ruang untuk berkembang.

Untuk itu, beliau berkata penganjuran Cabaran Sains Kebangsaan (NSC) 2026 Piala Pusingan YAB Perdana Menteri memberi penekanan kepada kepentingan membina asas sains sejak di bangku sekolah.

"Ia agar generasi muda bukan sahaja memahami ilmu, malah mampu menggunakannya untuk menilai, menyesuaikan diri dan mencari penyelesaian kepada cabaran kehidupan seharian," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata pendidikan sains tidak boleh terhenti pada hafalan formula dan pencapaian peperiksaan semata-mata.

"Sains mesti membentuk cara kita berfikir, kritikal terhadap fakta, terbuka terhadap idea, berani mencuba dan jujur apabila sesuatu percubaan itu tidak berjaya," katanya.

Sementara itu, Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM) Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen berkata minat terhadap STEM perlu dipupuk sejak usia muda bagi melahirkan generasi yang mempunyai sifat ingin tahu, keberanian untuk mencuba serta keupayaan menggunakan ilmu dalam menyelesaikan masalah.

Beliau yang juga Penasihat Sains, Teknologi dan Inovasi kepada Perdana Menteri dan Negara berkata untuk usaha itu, NSC telah berkembang daripada sebuah kuiz sains kepada platform yang menggalakkan pelajar berfikir secara kritis termasuk menggunakan kreativiti untuk menyelesaikan cabaran.

"Inilah asas yang perlu dibina sekiranya kita mahu melahirkan masyarakat berilmu yang bersedia menghadapi perubahan dan cabaran pada masa hadapan," katanya.

Pertandingan akhir NSC 2026 Piala Pusingan YAB Perdana Menteri semalam disempurnakan Chang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Institut Kesihatan Negara (NIH) di Setia Alam.

ASM telah menganjurkan NSC sejak 1999 dan sepanjang tempoh tersebut, ia telah berkembang menjadi salah satu pertandingan sains peringkat kebangsaan melibatkan pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 4 di seluruh negara.

NSC 2026 mencatatkan penyertaan tertinggi dalam sejarah penganjurannya dengan 18,671 pasukan melibatkan 56,013 pelajar, termasuk penyertaan daripada 246 sekolah luar bandar dan lima sekolah telah terpilih ke peringkat akhir.

Peringkat akhir semalam menyaksikan Sekolah Menengah Tshung Tsin, Sabah dinobatkan sebagai juara manakala Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tsung Wah, Perak sebagai naib juara dan SMK Agama Jerlun, Kedah meraih tempat ketiga.

SMK Desa Petaling, Kuala Lumpur dan SMK Tapu, Terengganu masing-masing di tempat keempat dan kelima.

NSC 2026 dilaksanakan dengan sokongan Kementerian Pendidikan (KPM) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA), manakala konsep dan kandungannya dibangunkan oleh e-estidotmy dan Young Scientists Network (YSN-ASM). — Bernama

TAHNIAH: Pemenang Cabaran Sains Kebangsaan 2026 dari Sekolah Menengah Tshung Tsin Sabah yang diwakili (dari kanan) Brenna Carmen Hee, Kang Juwan dan Carol Lee Sing Nee bersama pengajar Han Hui Lui bergambar dengan piala pada Majlis Pertandingan Akhir Cabaran Sains Kebangsaan 2026 Piala Pusingan Perdana Menteri di Institut Kesihatan Negara, Setia Alam dekat Shah Alam, semalam. — Gambar Bernama

Kuasai AI, sedia hadapi perubahan dunia

Kerajaan Sabah terus perkukuh agenda pembangunan modal insan, kata Isnin

KOTA KINABALU: Kerajaan terus memperkukuhkan agenda pembangunan modal insan bagi menjayakan misi menjadikan Sabah sebagai negeri maju dan berdaya saing.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri, Datuk Isnin Haji Aliasnih berkata pendekatan itu diharap dapat melahirkan rakyat Sabah yang berilmu dan berkemahiran, berdaya saing serta mampu menyesuaikan diri dengan perubahan dunia.

Sehubungan itu, katanya peranan guru-guru Pendidikan Islam penting bagi membantu merealisasikan misi itu.

Menurut Isnin, guru bukan sekadar menyampaikan ilmu, sebaliknya mereka berperanan membantu membentuk pemikiran, membina karakter dan mencorakkan masa depan generasi masa kini.

"Kita sedang berada dalam satu era perubahan yang sangat pantas yang mana Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) telah memasuki hampir setiap sektor kehidupan, termasuk bidang pendidikan.

"AI boleh membantu guru menyediakan bahan pengajaran, membina aktiviti pembelajaran, menganalisis keperluan murid dan menghasilkan kandungan pendidikan yang lebih kreatif dan interaktif," katanya.

Isnin berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Pembangunan Insan (PPMI) Institut Pendidikan Islam, di sini.

Turut hadir Yang Dipertua Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) Datuk Hj Sapawi Hj Ahmad.

Bagaimanapun, Isnin berkata rakyat perlu sedar bahawa AI hanyalah alat, dan guru tetap menjadi insan yang membimbing, mendidik dan membentuk nilai.

"Lebih-lebih lagi dalam Pendidikan Islam, penggunaan AI mestilah disertai dengan akhlak, adab, amanah, ketepatan ilmu dan kefahaman terhadap sumber-sumber Islam yang sahih," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyambut baik penganjuran program PPMI yang menurutnya merupakan satu langkah yang penting ke arah meningkatkan kemahiran profesional guru.

"Ia juga memastikan guru-guru Pendidikan Islam Sabah celik teknologi, celik AI dan bersedia menghadapi perubahan pendidikan masa hadapan. Kita mahu melahirkan guru Pendidikan Islam yang menguasai ilmu agama, pedagogi dan teknologi, sehingga mampu menjadikan AI sebagai pemudah cara dalam proses pengajaran dan pembelajaran tanpa mengabaikan nilai kemanusiaan dan pembentukan akhlak," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Isnin berkata kerajaan Sabah sentiasa menyokong segala usaha yang membawa kepada pemerkasaan pendidikan dan pembangunan modal insan.

"Kita sedar bahawa masih terdapat keluarga yang berdepan dengan cabaran ekonomi dan sosial.

"Namun kita percaya bahawa antara jalan paling penting untuk mengubah keadaan tersebut ialah melalui pendidikan dan ilmu," katanya.

Isnin turut menyambut baik pewujudan Kolej Kemahiran Islam Sabah (KKIS) yang menurutnya bakal membantu memantapkan lagi pembangunan modal insan di negeri ini.

TERIMA KASIH: Sapawi (dua kiri) menyampaikan cenderakenangan kepada Isnin sempena majlis perasmian itu.

KKIS platform untuk kuasai kemahiran TVET: Sapawi

KOTA KINABALU: Lepasan sekolah pondok dan tahfiz di Sabah kini mempunyai laluan lebih luas untuk menguasai kemahiran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menerusi penubuhan Kolej Kemahiran Islam Sabah (KKIS) di Kampung Marasimsim, Kota Marudu.

Yang Dipertua Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (Usia), Datuk Sapawi Ahmad, berkata penubuhan KKIS hasil kerjasama Usia dan Institut Islam Darul Ridzuan (IKDAR) itu bertujuan melahirkan pelajar yang bukan sahaja menguasai ilmu agama dan akademik, malah mempunyai kemahiran teknikal yang diperlukan dalam dunia pekerjaan.

Menurutnya, kerjasama Usia dan IKDAR yang terjalin sejak 2023 kini diterjemahkan menerusi usaha membangunkan KKIS, selaras dengan penekanan kerajaan terhadap TVET sebagai antara laluan pendidikan utama generasi muda.

"Kerjasama Usia dan IKDAR ini dapat dilaksanakan dengan jayanya menerusi penubuhan KKIS yang fokus memberikan bukan saja ilmu agama serta akademik tetapi juga kemahiran TVET kepada pelajar.

"Justeru, satu majlis pelancaran bangunan KKIS ini nanti akan diadakan pada 22 September ini yang akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Haji Noor," katanya ketika ditemui pada Program Pembangunan Modal Insan (PPMI) anjuran Usia dan IKDAR yang dirasmikan Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri (Hal Ehwal Agama Islam), Datuk Isnin Aliasnih, di sini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pelancaran itu nanti akan turut diserikan dengan pameran daripada beberapa institusi tahfiz dan pondok yang mengetengahkan bidang kemahiran termasuk teknologi dron dan robotik.

Katanya, melalui usaha berkenaan, ia dilihat mampu membuka ruang lebih luas kepada pelajar aliran agama untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dunia pekerjaan dan perkembangan teknologi.

Bercakap mengenai PPMI, Sapawi berkata, penguasaan Kecerdasan Buatan (AI) di kalangan guru-guru agama yang menyertai program itu bertujuan meningkatkan kemahiran profesional mereka khususnya dalam aspek pengajaran, sekaligus membantu memperkasakan lagi pelajar di KKIS nanti.

Menurutnya, perkembangan pesat teknologi khususnya AI, bidang digital, robotik dan dron turut menuntut golongan pelajar aliran agama diberikan pendedahan lebih luas terhadap kemahiran baharu.

"PPMI menjadi antara langkah awal bagi menyediakan tenaga pengajar KKIS sebelum kolej ini beroperasi sepenuhnya dan seramai 40 guru menjadi kumpulan awal, manakala hampir 200 guru lagi sudah menunggu untuk mengikuti program ini.

"Program ini memberi fokus khusus kepada pengurusan pendidikan Islam dan AI serta pengurusan AI bagi peringkat sijil dan diploma, malah menjadi yang pertama di Malaysia dalam bidang ini," katanya.

Beliau berkata, walaupun KKIS belum beroperasi sepenuhnya, langkah yang digerakkan menerusi PPMI ini menjadi inisiatif awal sebelum kolej beroperasi sepenuhnya, termasuk kemasukan pelajar secara penuh selepas semua keperluan seperti tenaga pengajar dilengkapi dalam tempoh terdekat.

"Pembangunan modal insan perlu diberi keutamaan kerana kekuatan sesebuah negara bukan hanya bergantung kepada ekonomi atau ketenteraan, tetapi keupayaan membentuk manusia yang berkualiti dan mampu menghadapi cabaran masa depan.

UPKO Tambunan perkukuh gerak kerja akar umbi

TAMBUNAN: UPKO Bahagian Tambunan memasuki fasa baharu selepas mengadakan mesyuarat penyusunan ahli jawatankuasa bagi penggal 2026–2029 baru-baru ini.

Menerusi penyusunan itu, Ajis Jimi dilantik sebagai Ketua UPKO Tambunan yang baharu, manakala Yangun Digang sebagai Timbalan Ketua.

Ajis yang berpengalaman dalam UPKO termasuk pernah memegang beberapa jawatan sebelum ini, merakamkan penghargaan atas kepercayaan diberikan serta menghargai jasa pemimpin terdahulu yang membangunkan UPKO Tambunan sehingga ke tahap hari ini.

Beliau memberi komitmen untuk meneruskan amanah tersebut dengan memperkukuhkan gerak kerja parti dan terus mendekati masyarakat.

Sementara itu, bekas Ketua CLC Tambunan, Peter Yasin, menyampaikan penghargaan kepada barisan jawatankuasa atas usaha dan dedikasi sepanjang tempoh perkhidmatan, selain memberi ruang kepada kepimpinan baharu untuk menerajui CLC Tambunan.

Beliau akan meneruskan khidmat dalam UPKO Bahagian Keningau sebagai Naib Ketua.

KEPIMPINAN: Ajis (duduk kiri) bersama kepimpinan UPKO Tambunan 2026- 2029.

Turut hadir sebagai pemerhati ialah Timbalan Ketua Bahagian UPKO Keningau merangkap Ahli Majlis Tertinggi (AMT) UPKO, Wilson Gan.

LAWATAN: David mengadakan lawatan ke gerai pameran SAFMA sempena MAHA 2026.

Duta AS kunjungi gerai SAFMA di MAHA 2026

SERDANG: Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia David H. Gamble Jr. mengadakan kunjungan ke gerai pameran Sabah Fish Marketing Sdn Bhd (SAFMA) sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 di MAEPS, di sini.

Kunjungan itu disambut Penolong Pengurus (Pemasaran) SAFMA, James Abin yang turut menyantuni delegasi berkenaan sepanjang lawatan di gerai pameran.

Lawatan berkenaan memberi peluang kepada SAFMA memperkenalkan produk hasil perikanan Sabah, khususnya inisiatif Ikan Rakyat Sabah, selain mengetengahkan potensi industri perikanan negeri kepada pengunjung antarabangsa.

SAFMA menerusi penyertaan di MAHA 2026 terus mempergiat usaha mempromosikan produk perikanan Sabah serta memperluaskan jaringan pasaran dan kerjasama di peringkat antarabangsa.

POTENSI BISNES: Pembantu Menteri Kewangan Sabah, Datuk Mohd Ishak Ayub (empat kanan) bersama Ketua Masyarakat Cina (KMC) Keningau, Kapitan Anthony Chong Kong Ming mengunjungi pameran produk China-Heyuan sempena pembukaan rasmi Sabah International Expo (SIE) 2026 di Kota Kinabalu, baru-baru ini. Turut hadir Presiden Gabungan Persatuan Klan Zhang Negeri Sabah, Daniel Chong Tet Seong dan Presiden Kebajikan Masyarakat Heyuan Malaysia merangkap Presiden Hakka daerah Ranau Kapitan Datuk Dr. Jimmy Tham Yuk Leong.

Penempatan pakar perubatan tetap disambut baik

KENINGAU: Penempatan pakar perubatan secara tetap di hospital luar bandar Sabah dialu-alukan pelbagai pihak di negeri ini.

Mereka menyifatkannya bukan sekadar memperluas akses rawatan, tetapi langkah penting merapatkan jurang kesihatan antara bandar dan pedalaman.

Ia bagi memastikan setiap rakyat berpeluang menikmati perkhidmatan perubatan berkualiti tanpa terhalang jarak.

Pengerusi Panel Penasihat Klinik Kesihatan (PPKK) Bingkor, Darian Karim yang menyifatkan langkah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkenaan sebagai pendekatan strategik memperkukuh ekuiti kesihatan di Sabah.

Menurutnya, penempatan pakar secara tetap di hospital seperti Kota Marudu dan Beaufort bukan sahaja memberi manfaat langsung kepada komuniti setempat, malah mencerminkan komitmen kerajaan memastikan akses rawatan yang lebih saksama, khususnya bagi penduduk luar bandar.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, sebelum ini memaklumkan KKM akan memperluaskan penempatan pakar perubatan ke beberapa hospital di Sabah bagi menangani kekurangan tenaga pakar, di samping memperkukuh sistem penggiliran kepakaran ke kawasan luar bandar.

Dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, KKM menyasarkan usaha merapatkan jurang kepakaran kesihatan di Sabah menerusi pemerkasaan kluster kesihatan, termasuk menyetarakan perkhidmatan hospital di Sandakan dan Tawau dengan Kota Kinabalu, terutama dalam bidang kritikal seperti kardiotorasik.

Pada masa sama, kerjasama strategik dengan sektor swasta menerusi Hospital Services Outsourcing serta kolaborasi bersama Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) turut dilihat penting bagi meningkatkan kapasiti sistem kesihatan negeri, mengurangkan kesesakan hospital awam dan mempercepatkan rawatan pesakit.

Darian berharap agenda transformasi kesihatan itu turut memberi perhatian kepada kemudahan kesihatan di peringkat akar umbi, termasuk Klinik Kesihatan Bingkor, Klinik Kesihatan Apin-Apin dan klinik kesihatan lain di kawasan pedalaman.

Katanya, pengukuhan klinik luar bandar perlu meliputi penyediaan infrastruktur asas, peralatan perubatan mencukupi serta sokongan tenaga kerja yang sepadan dengan keperluan semasa.



DARIAN

Ammar Imran ke pentas Juara Tenis Remaja Sabah

KENINGAU: Seorang anak muda dari pedalaman Sabah, Muhammad Ammar Imran Mohd Rasyid membuktikan bahawa bakat besar boleh lahir di mana-mana apabila merangkul dua gelaran juara kategori Bawah 12 Tahun Lelaki pada Sabah Junior Tennis Tour Leg 3 Edisi Khas Merdeka Ke-69.

Dia dinobatkan sebagai Juara Perseorangan (Single) dan Juara Beregu (Double), sekali gus mengukuhkan namanya sebagai antara bakat muda tenis yang semakin menyerlah.

Kejohanan yang menghimpunkan pemain muda berbakat dari seluruh negeri itu menyaksikan Ammar Imran tampil dengan prestasi meyakinkan sejak awal pertandingan sebelum mengesahkan kejuaraan dalam dua acara utama yang disertainya.

Dalam perlawanan akhir perseorangan, Ammar Imran mempamerkan ketenangan dan penguasaan permainan yang luar biasa apabila berjaya menewaskan wakil dari Kota Kinabalu, Louis Ho, dengan keputusan bergaya 6-0.

Tidak berhenti di situ, Ammar Imran sekali lagi membuktikan keupayaannya dalam acara beregu apabila bergandingan bersama Gideon Gerald.

HEBAT: Presiden Persatuan Tenis Daerah Keningau merangkap Pengarah Kejohanan, Mohd Rasyid Abd Ghani (kanan) dan Ammar meraikan kejayaan berganda itu.

Gandingan tersebut mempamerkan persefahaman, disiplin taktikal dan semangat juang tinggi sebelum menundukkan pasangan adik-beradik Louis Ho dan Ayden Ho dengan keputusan 6-4.

Kejayaan membolot dua gelaran juara dalam satu kejohanan itu bukan sahaja menjadi pencapaian peribadi yang membanggakan buat Ammar Imran, malah menjadi bukti bahawa bakat sukan dari kawasan pedalaman mampu berkembang dan bersaing di pentas lebih tinggi.

Pencapaian itu turut mencerminkan kepentingan pembangunan sukan akar umbi dalam mencungkil potensi generasi muda.

Dengan sokongan berterusan daripada keluarga, jurulatih dan komuniti, atlet muda seperti Ammar Imran mampu menjadi inspirasi kepada lebih ramai kanak-kanak untuk berani mencabar diri dalam bidang yang diminati. *